**2 proton cabutan bertuah PBIM 2015** MS 5



**Pembesar suara 'Nasihat Hukum' - Mufti** MS 4 & 7




PERCUMA

buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

1 – 15 OKTOBER 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Pulau Pinang kini Kerajaan Negeri Pakatan Harapan – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda kesepakatan selepas mengumumkan bahawa pentadbiran Pulau Pinang kini digelarkan sebagai Kerajaan Negeri Pakatan Harapan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Pentadbiran Pulau Pinang kini digelarkan sebagai Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, selepas suatu keputusan sebulat suara diputuskan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa membuat pengumuman itu berkata, Kerajaan Negeri mengalu-alukan penubuhan Pakatan Harapan dan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri telah sebulat suara membuat keputusan Kerajaan Negeri sekarang digelarkan sebagai 'Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang'.

"Kita akan mengalu-alukan sokongan daripada mana-mana rakyat Pulau Pinang yang bersedia menyokong dan bersama dengan kerajaan berjiwa rakyat," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Phee Boon Poh (Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani dan Kesihatan).

## Masjid At-Taqwa Taman Bertam Indah ketiga terbaik di Malaysia

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** – Masjid At-Taqwa Taman Bertam Indah dalam Kawasan Parlimen Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini diberi Anugerah Masjid Kariah Ketiga Terbaik Peringkat Kebangsaan 2014, yang dianjurkan oleh agensi persekutuan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Ahli Majlis bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Rosidi Hussain berharap, pengiktirafan tersebut memberi galakan kepada jawatankuasa-jawatankuasa kariah lain untuk meningkatkan mutu mengurus masjid serta dakwah Islamiah di kawasan masing-masing.

"Masjid As-Salam Puchong Perdana dipilih menerima anugerah untuk tempat pertama, kedua, Masjid Saidina Abu Bakar (dekat) Bangsar, dan Masjid At-Taqwa dari Pulau Pinang mendapat tempat ketiga.

"Ertinya, ketiga-tiga masjid ini dari negeri yang diperintah oleh Kerajaan 'Rakyat' Pulau Pinang dan Selangor.

"Seperti di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri tidak campur tangan dalam tadbir urus masjid, jawatan diberikan kepada 'ahlinya' (yang layak), sama ada dipilih oleh ahli kariah atau lantikan majlis (MAINPP)," jelasnya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Masjid dan Hal Ehwal Kariah MAINPP semasa dihubungi wartawan di sini baru-baru ini.

Justeru, beliau menyeru semua ahli jawatankuasa kariah masjid supaya menyemarakkan ukhwah Islamiah serta saling bekerjasama dengan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Mohd. Salleh Man dalam memperkasakan dakwah di negeri ini.

"Pembangunan masjid dari segi fizikal, sama ada penambahbaikan atau pembinaan masjid baru kebanyakannya di bawah JAKIM dengan kerjasama ICU (Unit Penyelarasan Pelaksanaan langsung dengan Jabatan Perdana Menteri, JPM).

"Tetapi, keutamaan kita (MAINPP) di peringkat negeri ini adalah memperkasakan program kebajikan, dakwah Islamiah dan meningkatkan kualiti pengurusan masjid sendiri," jelas Rosidi.

**MASJID At-Taqwa Taman Bertam Indah.**



Sambutan Hari Raya Aidiladha 1436H/2015.

# Aidiladha, hayati erti pengorbanan sebenar

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN -WEI**

**GEORGE TOWN** – Masjid Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa Qurban 1436 Hijrah Tahun 2015 mengorbankan 11 ekor lembu dan empat ekor kambing sempena sambutan Hari Raya Aidiladha di sini baru-baru ini.

Program yang diadakan di perkarangan masjid tersebut termasuk pengagihan daging korban kepada penduduk setempat dan fakir miskin sambil dibantu kira-kira 30 ahli jawatankuasa.

Pengerusi Jawatankuasa Jemaah Pengurusan Masjid Negeri yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus bersyukur dengan kelancaran program yang berlangsung.

"Selain menjalankan tuntutan agama Islam, saya yakin umat Islam dapat menghayati erti pengorbanan sebenar pada setiap kali sambutan diadakan.

"Pengorbanan dan kesabaran mestilah dikaitkan pada sifat ketaqwaan demi menjamin kejayaan seseorang di dunia serta akhirat kelak," katanya pada Majlis Perasmian Qurban Perdana 1436/2015 baru-baru ini.

Turut hadir, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas bersama isteri, Toh Puan Majimor Shariff yang turut menunaikan solat sunat Aidiladha bersama lebih 1,000 jemaah di sini.

Sementara itu, di Tanah Liat, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man turut menghadiri sambutan penuh bermakna berkaitan.



**AHLI-ahli Jawatankuasa Qurban 1436 Hijrah Tahun 2015 melapah daging korban.**



**IMAM Besar Masjid Negeri Pulau Pinang, Salahuddin Ghozali (kanan sekali) mengagihkan daging korban kepada masyarakat setempat.**



**MOHD. Salleh Man (berkopiah) menyembelih lembu korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha di Tanah Liat, Bukit Mertajam.**





**PROGRAM ibadah korban Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) dan Jawatankuasa Penduduk Taman Genting Emas kawasan JKKK Simpang Empat, Balik Pulau anjuran Pejabat Pegawai Penyelaras KADUN Pulau Betong.**



**Pegawai Penyelaras KADUN Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid (dua dari kanan) melapah daging korban di Dewan JKKK Jalan Baru.**



**SEKITAR program korban dan jamuan raya anjuran Masjid An-Nur Titi Teras, Balik Pulau.**

# 350 terima sumbangan Aidiladha Kerajaan Negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PENAGA** – Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan menganjurkan program-program kemasyarakatan secara berterusan dalam usaha mendampingi dan menyayangi warga desa.

Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Wong Hon Wai berkata, pendekatan sedemikian adalah perlu supaya jalinan ikatan antara Kerajaan Negeri dan semua lapisan masyarakat termasuk warga desa tidak terputus.

Atas dasar itu, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri akan terus menggerakkan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) supaya memainkan peranan sebagai penggerak terhadap program-program kemasyarakatan dan kebajikan setempat.

"Selalunya, orang berpandangan bahawa program-program mendampingi rakyat hanya dijalankan di kawasan bandar, tetapi kita (Kerajaan Negeri) ingin menunjukkan bahawa kita (Kerajaan Negeri) juga mendampingi penduduk luar bandar secara berterusan dan bukannya secara bermusim," katanya ketika ditemui sejurus selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Hari Raya Aidiladha Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Kampung Pengkalan Bongor, Penaga, Seberang Perai Utara (SPU) di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohamad Shaipol Ismail dan Pengerusi JKKK Kepala Batas, Lai Hock Peng.

Seramai 350 penerima terpilih menerima hamper sumbangan Kerajaan Negeri sempena sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini.

Mengulas lanjut, Hon Wai memberitahu bahawa majlis serupa turut diadakan di kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Dua dan Permatang Berangan sebelum ini.

Selain beramah mesra dengan penduduk, Hon Wai turut berkesempatan berkongsi perkembangan terkini tentang usaha-usaha yang diambil Kerajaan Negeri dalam membendung wabak penyakit anjing gila atau rabies.

"Seperti kita ketahui, kes rabies mula dikesan apabila seorang mangsa dari Pokok Sena, Tasek Gelugor (SPU) digigit anjing liar yang terjangkit.

"Oleh itu, saya ingin menasihati orang ramai supaya lebih peka dengan persekitaran masing-masing dan segera melaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sekiranya digigit atau bersentuhan dengan anjing liar," seru beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam.



**WONG Hon Wai (depan, berbaju putih) menyampaikan sumbangan kepada beberapa penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Hari Raya Aidiladha Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

# Program Latihan Berkembar Vokasional Jerman, KN peruntuk RM2 juta

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PANTAI JEREJAK** – Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2 juta untuk menjayakan Program Latihan Berkembar Vokasional Jerman (GDVTP) di Pusat Kemahiran dan Pembangunan Pulau Pinang (PSDC) di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, seramai 22 pelajar terpilih mengikuti program pertama peringkat diploma lanjutan dalam tempoh 40 minggu.

"Sepanjang tempoh itu, para pelajar turut akan dibayar untuk belajar dengan elaun sebanyak RM900, ini sesuatu yang sukar untuk didapati, kerana selalunya anda perlu bayar untuk menyambung pelajaran.

"Program ini adalah terbuka kepada semua syarikat-syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang dari multinasional (MNC) hinggalah kepada perindustrian kecil sederhana (SME) untuk menghantar pekerja masing-masing dalam 'menyambung' pembelajaran melalui program kerjasama ini," katanya sebelum menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Antara Kerajaan Negeri dan PSDC di sini baru-baru ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwakili Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Mohd. Jait, manakala, PSDC, Ketua Pegawai Eksekutif, Muhamed Ali Hajah Mydin.

Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Zairil Khir Johari (Pengarah Eksekutif Penang Institute, PI) turut hadir pada majlis itu.



**KETUA Menteri sambil ditemani Mohd. Rashid Hasnon (tujuh dari kiri) dan Dr. Afif Bahardin (enam dari kiri) mengambil kesempatan beramah-mesra dengan sebahagian pelajar yang mengikuti program GDVTP di PSDC di sini baru-baru ini.**

Guan Eng menambah, langkah Kerajaan Negeri meningkatkan kemahiran modal insan dalam bidang vokasional di negeri ini menerima sambutan menggalakkan daripada gender wanita.

"Malah, saya juga kagum melihat penglibatan kaum wanita yang lebih separuh berbanding jumlah lelaki yang mengikuti program pertama ini," katanya, sambil menganggap kebolehupayaan wanita dalam bidang kemahiran di negeri ini adalah setara dengan kaum lelaki.

Mengulas lanjut, beliau berharap anak tempatan dapat berlumba-lumba mengambil peluang mempelajari teknologi Jerman melalui program GDVTP, yang sememangnya sudah terkenal di seluruh dunia, melalui pelbagai produk ternama.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng baru-baru ini turut melahirkan hasrat untuk membawa sistem pendidikan vokasional dari Australia ke negeri ini, sempena Majlis Meraikan Ulang Tahun Ke-60 Hubungan Diplomatik dengan negara tersebut di sini baru-baru ini.

## Segera lulus APDL bagi bekal rumah mencukupi untuk rakyat - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Kira-kira 27,500 unit rumah mampu milik boleh dibina untuk rakyat Malaysia yang menetap di Pulau Pinang sekiranya Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan segera meluluskan baki 47 lagi permohonan Permit Iklan dan Lesen Pemaju (APDL) ke negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri senantiasa mengamalkan keterbukaan atas semangat federalisme, termasuk bersedia untuk saling bekerjasama dengan agensi-agensi persekutuan demi menyegerakan proses kelulusan semua permohonan APDL tersebut.

"Jika Datuk Abdul Rahman Dahlan (Abdul Rahman) sendiri dalam kenyataannya dalam akhbar *The Star* (21 September 2015) mengakui bahawa pembangunan rumah mampu milik mampu memacu pembangunan ekonomi, mengapa masih melengah-lengahkan proses kelulusan baki 47 APDL ini.

"Datuk Abdul Rahman (Abdul Rahman) wajar segera meluluskan kesemua projek ini kerana kami (Kerajaan Negeri) mahu perumahan yang mencukupi untuk rakyat, khususnya unit-unit rumah mampu milik.

"Kami bersedia untuk saling bekerjasama dengan agensi-agensi persekutuan sebaik mungkin demi merealisasikan harapan rakyat Malaysia di Pulau Pinang bagi memiliki rumah mampu milik mereka sendiri," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Menurut Jagdeep, sebanyak 34 permohonan daripada keseluruhan 81 APDL telahpun diluluskan.

Justeru, Jagdeep dalam surat rasmi bertarikh 4 September lalu, sekali lagi meminta Abdul Rahman menjelaskan beberapa perkara berbangkit mengenai 47 lagi permohonan APDL yang dilengah-lengahkan proses kelulusan oleh kementerian.



**JAGDEEP Singh Deo.**

"Saya memohon agar dimaklumkan sebab-sebab permohonan-permohonan tersebut masih belum diluluskan dan juga berapa unit-unit perumahan yang terlibat dalam keseluruhan permohonan belum diluluskan.

"Berapakah Nilai Pembangunan Kasar kesemua permohonan-permohonan yang masih belum diluluskan tersebut," soal beliau.

Terdahulu, Jagdeep dalam surat rasmi bertarikh 24 Jun 2015 kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohammad Mentek mengesa supaya diperjelas punca kelewatan proses kelulusan APDL berwajib.

Pada 13 Julai lalu, Jagdeep mengumumkan langkah Kerajaan Negeri untuk meneroka serta mengkaji langkah perundangan sewajarnya, demi mendepani layanan dingin daripada Putrajaya.

Ekoran itu, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Mohamad Yusoff Ghazali dalam satu surat rasmi bertarikh 27 Julai 2015 menjelaskan bahawa kementerian menerima 81 permohonan APDL dari negeri Pulau Pinang dan sebanyak 34 permohonan telahpun diluluskan semasa itu.

Jagdeep dalam reaksi spontan pada 12 Ogos lepas menyatakan bahawa Kerajaan Pusat dianggarkan memperoleh sumber berpuluh bilion ringgit, sekiranya (Kerajaan Pusat) tidak melengah-lengahkan proses kelulusan semua 81 APDL yang dimohon oleh pemaju berwajib.

# *Tweet* fitnah hasut sentimen kaum & agama, KM lapor polis

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa satu laporan polis telah dibuat berhubung fitnah '*tweet*' palsu menggunakan nama beliau yang diviralkan di laman media sosial baru-baru ini.

Beliau menyifatkan bahawa fitnah tersebut sebagai satu lagi pembohongan menggunakan namanya bagi tujuan menghasut sentimen perkauman dan agama dalam mencetuskan huru hara di Pulau Pinang.

"Ini adalah palsu dan satu lagi fitnah jahat yang telah digunakan ke atas saya. Saya tidak pernah *tweet* atau keluarkan kenyataan sedemikian. Laporan polis akan dibuat.

"Jangan percaya fitnah seperti ini," katanya pada sidang media di sini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas *tweet* menggunakan nama beliau di laman *Twitter* yang bertulis, 'Larangan pembesar suara di masjid & surau dlm P. Pinang muktamad. Mereka yang tak setuju tak layak tinggal dalam negeri ini. Sila keluar!'

Ini adalah ekoran notis fatwa bertarikh 1 September lalu daripada Mufti Pulau Pinang, Datuk Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor mengenai kebenaran menggunakan pembesar suara masjid dan surau untuk azan dan iqamah sahaja.

Mengulas lanjut, Guan Eng menegaskan bahawa cubaan mengaitkan diri beliau dengan isu tersebut adalah perbuatan jahat, lebih-lebih lagi kenyataan ingin 'menghalau' daripada Pulau Pinang adalah bohong.

"Saya juga tak pernah masuk campur isu membabitkan agama Islam. Ia terletak di bawah kuasa mufti, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

"Kerajaan Negeri tak pernah halau sesiapa termasuk mereka yang menyokong Barisan Nasional (BN) iaitu Umno, MCA ataupun Gerakan.

"Tindakan pihak tidak bertanggungjawab ini adalah sengaja untuk mengalih perhatian berhubung skandal rasuah, isu 1MDB, krisis ekonomi dan kenaikan harga minyak," jelasnya.




**SETIAUSAHA Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai (kiri) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima menunjukkan laporan polis yang dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Jalan Patani di sini berhubung fitnah '*tweet*' palsu menggunakan nama Ketua Menteri yang diviralkan di laman media sosial baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa setiap tahun, Kerajaan Negeri menyumbang dan memberi peruntukan tahunan kepada anak-anak negeri Pulau Pinang tanpa mengira latar belakang politik atau agama asalkan menepati kelayakan ditetapkan.

Guan Eng dalam pada itu, berharap supaya Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil tindakan ke atas mereka yang memainkan sentimen perkauman dan menghasut sentimen agama dengan sengaja.

"Harap polis (PDRM) boleh ambil tindakan tegas.

"Tapi sehingga ke saat ini, semua laporan polis yang saya buat tentang fitnah dan sebagainya belum ada tindakan. Kita masih menunggu," kata beliau.

## '*Success Story of* Air Tebu' manfaat peniaga tebu segar

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Seramai 16 peniaga air tebu segar Pulau Pinang dipilih sebagai kumpulan perintis program *Success Story of Air Tebu* yang julung kalinya dilancarkan di sini baru-baru ini.

Program tersebut merupakan kesinambungan projek perintis peniaga air tebu (segar) di Kuala Lumpur dan Putrajaya dalam mentransformasikan pengusaha perusahaan berkaitan agar memenuhi keperluan kebersihan makanan sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Bagi salah seorang peserta, Omar Man, 57, program tersebut secara tidak langsung membantu memberikan manfaat kepada perniagaan yang diusahakan beliau sejak 21 tahun lalu.



**DR. Afif Bahardin (kanan) menyerahkan sumbangan peralatan kepada Omar Man pada Majlis Pelancaran Success Story of Air Tebu di sini baru-baru ini.**

"Alhamdulillah, setelah lama berkecimpung dalam perniagaan penghasilan jus tebu, akhirnya ada yang prihatin membantu bagi meningkatkan mutu, hasil dan jualan saban hari.

"Melalui pengalaman dan tunjuk ajar, semoga panduan-panduan ini dapat membantu perniagaan saya untuk terus berkembang termasuk memperoleh pendapatan yang lebih baik pada masa depan," ujar bapa kepada seorang cahaya mata kepada Buletin Mutiara.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Success Story of Air Tebu di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyempurnakan majlis berkaitan.

Turut hadir, wakil Pengarah Kanan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Salim Dulati dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Ku Nafishah Ku Ariffin.

Pelaksanaan program *Success Story of Air Tebu* di negeri ini adalah melibatkan kerjasama antara agensi-agensi seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, FAMA Negeri Pulau Pinang dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeri Pulau Pinang.

Peserta perintis yang terpilih bakal dibimbing oleh JKNPP.

Mengulas lanjut, Omar memberitahu bahawa air tebu buatannya adalah lebih pekat kerana beliau membuang terlebih dahulu kulit ia sebelum diproses.

"Dengan bermodalkan RM1,000, kini saya mampu menjana pendapatan sebanyak RM3,000 sebulan dan memproses kira-kira 500 kilogram batang tebu setiap empat hari bergantung kepada keadaan cuaca," ujarnya.

Dalam pada itu, Afif memberitahu, pengendalian bahan mentah iaitu batang tebu sebelum diperah adalah amat penting untuk memastikan kekotoran dan bakteria yang hadir dimatikan.

"Penyimpanan batang tebu yang tidak betul dan selamat, meletakkan batang tebu di dalam guni simen, baja, di atas tanah dan memegang tebu yang telah dibersih tanpa mencuci tangan boleh menyebabkan pencemaran pada air tebu yang dihasilkan.

"Walaupun secara praktisnya nampak mudah, tetapi sekiranya batang tebu tidak disimpan dengan cara yang sesuai, akan menyebabkan ia tercemar.

"Sebagai sokongan, Kerajaan Negeri berbesar hati memberikan beberapa peralatan termasuk tong sampah dan bekas mengisi tebu yang telah dibuang kulit secara *one off*," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.



**OOI Tze Liang memberi *pose* menarik dengan memegang bendera negeri Pulau Pinang pada majlis sidang media pengumuman sumbangan insentif khas kepada atlet negeri di sini baru-baru ini.**

## Atlet berjaya, KN sumbang insentif galakan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Atlet kelahiran Pulau Pinang, Ooi Tze Liang yang melayakkan diri ke Sukan Olimpik di Rio de Janeiro dekat Brazil dalam sukan terjun papan anjal pada tahun depan akan diberi insentif galakan RM1,000 tiap-tiap bulan dalam tempoh setahun daripada Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, atlet lain dari negeri ini yang berjaya ke kejohanan antarabangsa turut akan diberikan insentif RM12,000 setahun, sebagaimana diputuskan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri.

"Sumbangan ini adalah galakan daripada Kerajaan Negeri.

"Ini kali pertama beliau (Tze Liang) ke Sukan Olimpik, tentulah kami (Kerajaan Negeri) mengharapkan beliau mampu membawa pulang pingat untuk negara," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis sidang media pengumuman sumbangan insentif berkaitan di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chong Eng antara pemimpin Kerajaan Negeri yang turut hadir.

Tze Liang, 21, merupakan atlet lelaki pertama negara yang berjaya memenangi pingat emas dalam Sukan Komanwel 2014 di Glasgow dalam acara terjun papan anjal.

Dalam kejohanan itu, beliau turut memenangi pingat perak dalam acara terjunan papan anjal 10 meter lelaki.

Kini, beliau menduduki tempat kedua pada ranking dunia di belakang Tom Daley dari England.

# Keluarga mangsa kes pecah rumah terima sumbangan khas

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**AHMAD Tarmizi Abdullah meneliti salah sebuah tingkap rumah mangsa yang dikopak sekumpulan perompak.**



**KETUA Menteri menyampaikan sumbangan saguhati kepada Robiah Hasan (kanan sekali) sambil disaksikan Rusdi Samsudin di sini baru-baru ini.**

**PINANG TUNGGAL** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyampaikan sumbangan bernilai RM1,000 kepada keluarga mangsa kes pecah rumah di Kampung Padang Cempedak dekat Tasek Gelugor di sini baru-baru ini.

Beliau berharap sekumpulan perompak yang menyebabkan kematian mengejut Allahyarham Samsudin Bakar, 67, akibat serangan jantung segera ditangkap polis.

"Saya akan berbincang dengan Ketua Polis Negeri (Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi), saya harap perompak-perompak terbabit segera ditangkap, dan dibawa ke muka pengadilan," katanya ketika mengadakan lawatan ke kediaman Allahyarham.

Pada lawatan tersebut, Guan Eng menyampaikan sumbangan berkaitan kepada balu Allahyarham, Robiah Hasan, 63, yang turut ditemani dua anak lelakinya, Rusdi Samsudin, 42, dan Robisyam Samsudin, 40.

Hadir sama, Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainul serta dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ahmad Tarmizi Abdullah dan Mohd. Shaipol Ismail.

Dalam kejadian sebelum ini, sekumpulan perompak bertindak memecah masuk rumah tersebut melalui tingkap dan pintu, lalu, mengikat Allahyarham, Robiah dan anak perempuannya, Rafizah Samsudin.

Rusdi dan Robisyam tiada di rumah semasa kejadian.

Kira-kira RM10,000, antaranya duit membeli lembu untuk Hari Raya Aidiladha, segugus kunci serta beberapa geran kenderaan dirompak dalam kejadian berkenaan.

# 25 dapat TUTM, Exco galak belia ceburi pertanian moden

Teks & Gambar: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**DR. Afif Bahardin (duduk, tiga dari kiri) dan Rosli Jaafar (duduk, duaa dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama penerima skim pinjaman mikro kredit TUTM di sini baru-baru ini.**

**PANTAI JEREJAK** – Skim pinjaman mikro kredit Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri diharap terus menggamit minat golongan belia untuk menceburi bidang pertanian moden di Pulau Pinang.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian pada majlis penyerahan TUTM kepada 25 peminjam pertama di sini baru-baru ini.

"Saya melihat bidang pertanian ini sememangnya peluang terbaik dalam menjana pendapatan lumayan, sayangnya ia hanya dipelopori golongan warga emas.

"Jadi, TUTM diperkenalkan untuk petani dan nelayan muda dalam memperkembangkan sektor pertanian dengan praktis yang moden," jelasnya pada majlis yang dilangsungkan di Kompleks Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dekat Bayan Lepas di sini.

Turut hadir, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Tambah Afif, transisi dari pertanian tradisional kepada kejenteraan serta kaedah-kaedah moden seperti di Australia terbukti menggandakan produktiviti bekalan makanan di negara itu.

"Sektor pertanian di Pulau Pinang sememangnya mempunyai potensi yang amat besar dan tiada alasan bagi kita menidakkan perkara tersebut yang terbukti apabila negara seperti New Zealand yang mempunyai empat juta penduduk mampu menjadi pengeluar susu utama di dunia.



**MOHD. Fuad Mohd Radzi.**

"Jadi dengan penduduk 1.6 juta orang, Pulau Pinang sekurang-kurangnya, kita harap dapat masuk sebahagian daripada kepentingan sektor pertanian dunia," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Atas maksud itu, Afif memberitahu, Kerajaan Negeri menubuhkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di lokasi khas seluas 115.20 hektar dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tengah yang siap beroperasi pada bulan Julai lalu, dengan nilai pelaburan RM40 juta.

Difahamkan, sektor pertanian negeri mencapai pertumbuhan menggalakkan sebanyak 4.7 peratus, berbanding dengan 3 peratus untuk seluruh Malaysia dalam tempoh tahun 2011 hingga 2013.

Maka, sumbangan pertanian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang pula menyaksikan peningkatan kepada 1.9 peratus pada tahun 2013, berbanding 1.6 peratus pada tahun 2005.

Dalam pada itu, penerima TUTM, Mohd. Fuad Mohd. Radzi, 27, yang ditemui menyambut baik inisiatif baru Kerajaan Negeri ini.

"Pemberian bantuan ini akan saya gunakan untuk membeli baja dan peralatan berkaitan dengan tanaman sayur-sayuran dan ikan keli yang saya usahakan di tanah berkeluasan tiga ekar sekarang," ujarnya yang merupakan seorang petani muda dari Simpang Empat Tasik dekat Seberang Perai Selatan (SPS).

Ditanya mengenai penglibatannya sebagai petani muda, Mohd. Fuad menjelaskan bahawa beliau sememangnya berminat dengan sektor pertanian tanpa dipengaruhi oleh sesiapa.

"Selepas tamat pengajian, saya pernah bekerja makan gaji, namun tidak bertahan lama, lalu saya beralih kepada pertanian kerana ianya lebih menarik dan 'kena' dengan jiwa saya sendiri," jelasnya.

# Dua Proton rebutan peserta bertuah PBIM 2015




**DANNY Law Heng Kiang (tengah) menerima serahan hadiah cabutan bertuah daripada Syed Mohamad Aidid Syed Murtaza (kanan sekali) dan Ketua Pegawai Eksekutif Proton Edar Sdn. Bhd., Norzahid Mohd. Zahid pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Sebuah Proton Iriz dan sebuah Proton Saga Plus buat julung kalinya menjadi rebutan peserta larian marathon antarabangsa, *Asics Penang Bridge International Marathon 2015* (PBIM) yang bakal berlangsung di Jambatan Pertama Pulau Pinang, 22 November depan sebagai hadiah cabutan bertuah.

Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang berkata, hadiah yang masing-masing berharga RM100,000 tersebut adalah tajaan khas Proton Edar Sdn. Bhd. dengan sokongan Pengerusinya, Datuk Syed Mohamad Aidid Syed Murtaza bagi menjayakan penganjuran berkaitan.

"Difahamkan, penganjuran kali ini bakal menerima penyertaan 24,000 peserta berdaftar, sungguhpun penganjur mensasarkan 40,000 penyertaan dari seluruh negara dan antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, yuran pendaftaran selepas tarikh 1 September 2015 dinaikkan RM10 bagi semua ketegori, kecuali kategori 10 kilometer (km) Junior dan 8 kilometer Larian Ria yang menyaksikan kenaikan yuran RM5 sahaja.

"Oleh itu, bayaran akan menjadi RM90 untuk (kategori) Marathon Penuh, Separuh Marathon (RM80), 10km Terbuka (RM70), 10km Junior (RM45) dan Kategori Fun Run (RM25)," jelasnya.

Difahamkan, empat kategori dipertandingkan, iaitu Marathon Penuh 42km untuk Terbuka Lelaki, Terbuka Wanita, Veteran Lelaki dan Veteran Wanita; Separuh Marathon 21km (Terbuka Lelaki, Terbuka Wanita, Veteran Lelaki dan Veteran Wanita); 10km Terbuka (Lelaki dan Wanita); dan 10km (Junior Lelaki dan Junior Wanita).

Orang ramai yang mempunyai pertanyaan atau ingin membuat pendaftaran secara dalam talian boleh melayari laman web ***www.penangmarathon.gov.my*** atau laman Facebook: ***www.facebook.com/penangbridgemarathon*** .

# Penduduk pertikai kualiti penyelenggaraan, minta ICU beri penjelasan – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



JAGDEEP Singh Deo bersama-sama Asma Hussain meninjau keadaan dinding Pangsapuri Indah Fasa IC yang berair dan berlumut walaupun telah dicat semula pada sesi lawatan di sini baru-baru ini.

**TELUK AIR TAWAR** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini mengadakan tinjauan ke Pangsapuri Indah Fasa 1C, Taman Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara (SPU) di sini setelah menerima aduan dan rungutan daripada penduduk tentang kualiti kerja-kerja penyelenggaraan yang tidak memuaskan.

Menurut Jagdeep, kerja-kerja penyelenggaraan di Pangsapuri Indah Fasa 1C berkenaan adalah sebahagian dari program membaikpulih dan menyelenggara perumahan bertingkat di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M).

Jelasnya, penyelenggaraan tersebut adalah merangkumi kerja-kerja pembaikan bumbung, pembaikan am, pembaikan paip agihan, pengecatan semula, kerja-kerja mekanikal dan elektrikal serta pemasangan lif yang keseluruhannya berjumlah RM1,404,000.

"Dari jumlah tersebut, sejumlah 30 peratus kos atau RM324,000 ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui HAPPY! (Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang), manakala baki 70 peratus lagi (RM1.08 juta) ditanggung oleh TP1M.

"Walau bagaimanapun, Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri berkenaan telahpun mengemukakan surat aduan kepada TP1M mempertikaikan beberapa perkara kritikal melibatkan kualiti penyelenggaraan yang rendah dan tidak sempurna serta kelewatan dalam membaiki lif dan kebocoran tangki air.

"Saya berharap agar pelaksanaan projek-projek penyelenggaraan di bawah TP1M terutama di unit perumahan yang juga menerima sumbangan HAPPY! daripada Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan kualiti yang tinggi, mengikut spesifikasi teknikal dan tempoh masa ditetapkan," tegasnya pada sidang media selepas lawatan berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut sama, Pengerusi JMB Pangsapuri Indah Fasa 1C, Asma Hussain serta beberapa ahli jawatankuasa JMB berkenaan.

Jagdeep memberitahu, pihaknya telah meminta Pengarah Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) membantu penduduk di pangsapuri berkenaan menangani masalah penyelenggaraan yang timbul.

"Malah, saya difahamkan, MPSP juga telah menulis surat kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri memohon penjelasan tentang status terkini pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan termasuk jadual penyelenggaraan di bawah TP1M.



KEADAAN tangki air yang dipercayai bocor.

"Saya berharap ICU dapat memberi maklum balas, kerana sehingga kini surat-surat yang saya kirimkan masih belum menerima maklum balas," ujarnya.

Tambah Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, sebagai rekod, sehingga kini, sebanyak 118 projek penyelenggaraan di bawah TP1M masih belum diluluskan di Pulau Pinang dengan anggaran kos mencecah RM28 juta.

"Sudah berkali-kali kita (Kerajaan Negeri) menegaskan bahawa kita (Kerajaan Negeri) bersedia menampung baki yang perlu dibiayai oleh penduduk melalui HAPPY! sekiranya permohonan penyelenggaraan di bawah TP1M diluluskan.

"Memandangkan pelaksanaan perojek-projek penyelenggaraan di bawah TP1M adalah dikendalikan secara keseluruhan oleh Kerajaan Pusat, maka ICU yang mengendalikan tabung ini perlu memberi penjelasan segera dan memuaskan," kata beliau.

# Praktik tabiat pengasingan sampah - Rashid

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



AKSI pesilat cilik yang turut mencuri tumpuan.

**BAYAN BARU** – Isi rumah dan masyarakat setempat disaran mempraktikkan amalan hidup lestari dengan mengamalkan tabiat pengasingan sampah terutama melibatkan barang-barang kitar semula.

Kenyataan tersebut dinyatakan Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon pada Majlis Perasmian Pusat Aktiviti dan Kempen Kitar Semula Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Nibong Pantai di sini baru-baru ini.

Katanya, masyarakat setempat perlu dididik dan diberi motivasi agar menjadi 'pengguna' alam sekitar yang lebih prihatin.

"Pembuangan sisa yang tidak dikawal dan diasingkan bukan saja memberi kesan kepada alam sekitar, bahkan memudaratkan kesihatan manusia.

"Kita mampu mengubahnya. Pembuangan sampah dapat dikurangkan dan secara tidak langsung, barang kitar semula akan memberi pulangan nilai memberangsangkan," ujar beliau.

Hadir sama, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan dan Sha'ari Md. Salleh, Pengerusi JKKK Sungai Nibong Pantai, Mohd. Nazri Idris dan Pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Zulkarnain Hatta.

Bersempena inisiatif tersebut, sebanyak empat lokasi Pusat Pengumpulan Kitar Semula diwujudkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak, antaranya, Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Nibong, tapak pasar malam Sungai Nibong Pantai, Pangsapuri Desa Putra dan Dewan JKKK Sungai Nibong Pantai.



MOHD. Rashid Hasnon (depan, berkemeja putih) sambil ditemani Ahli-ahli Majlis MBPP menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Perasmian Pusat Aktiviti dan Kempen Kitar Semula JKKK Sungai Nibong Pantai di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Rashid memberitahu, penubuhan pusat-pusat kitar semula tersebut adalah bagi memberi ruang dan kemudahan kepada komuniti setempat untuk menghantar bahan-bahan bagi tujuan pengitaran semula.

"Sampah atau bahan buangan adalah masalah yang cukup besar sekiranya tidak diuruskan dengan sempurna.

"Justeru, dengan penubuhan pusat ini, pelbagai program dapat dilaksanakan bagi menarik minat orang ramai mengitar semula barangan buangan," jelasnya.

Turut diadakan pada majlis berkaitan adalah pertandingan mewarna, acara-acara sukan rakyat seperti tarik tali, merekacipta bahan-bahan terbuang dan cabutan bertuah.

# Isu pembesar suara 'Nasihat Hukum', bukan fatwa - Mufti

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Kebenaran menggunakan pembesar suara masjid dan surau untuk tujuan azan dan iqamah sahaja yang disyorkan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Pulau Pinang bukanlah mengikut telunjuk mana-mana pihak seperti digambarkan oleh pihak pembangkang negeri ini.

Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor berkata, syor itu masih bersifat *isyhad hukm* atau Nasihat Hukum untuk mencegah penyalahgunaan pembesar suara kononnya atas nama Islam sampai mengganggu ketenteraman masyarakat sekeliling.

"Isu ini merupakan nasihat hukum atau 'isyhad hukm' sahaja...kita belum sampai ke tahap itu (pelaksanaan keputusan fatwa yang diwartakan).

"Sejak tahun 2012 lagi, kita (Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Pulau Pinang) telah membuat keputusan melarang penggunaan pembesar suara sebelum waktu Subuh sahaja, keputusan itupun adalah Nasihat Hukum sahaja.

"(*Isyhad Hukm*) kali ini pun belum sampai ke tahap itu (pelaksanaan keputusan fatwa yang diwartakan), cuma penambahbaikkan dan cadangan sahaja yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa supaya keputusan sebelum ini lebih 'kuat', dihormati dan diwartakan nanti.

"Setakat ini, kita bersedia untuk menilai semula, kalau kita meneliti ia tidak perlu diwartakan, maka kita akan kekalkan ia sebagai *isyhad hukm* sahaja, jika perlu akan diwartakan nanti," respons Wan Salim kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) masih menerima lebih 10 aduan daripada umat Islam dan komuniti bukan Islam selepas *isyhad hukm* berwajib diputuskan pada tahun 2012.

Dalam pada itu, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim turut menjelaskan mengenai status surat pekeliling kepada JHEAIPP, yang membenarkan pembesar suara masjid dan surau untuk tujuan azan dan iqamah sahaja.

"Apabila Jabatan Agama Islam menerima surat daripada Jabatan Mufti itu, di antara pendekatan Jabatan Agama Islam adalah meneliti isu ini dan mengadakan cadangan-cadangan.

"Di antara cadangannya adalah Bahagian (Pengurusan) Masjid dan Surau telah datang berbincang dengan saya untuk mengadakan muzakarah, berbincang bukan berhubung larangan ini, tetapi berbincang berhubung dengan isu ini," respons Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Justeru, katanya, Nasihat Hukum yang diputuskan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri itu sebenarnya bersifat bebas dan bukanlah mengikut telunjuk Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng seperti didakwa oleh pihak pembangkang Pulau Pinang.



ABDUL Malik Abul Kassim (kanan) dan Wan Salim Wan Mohd. Noor pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

## Semakan kali kedua, rumah kepada mereka yang benar layak - Exco

Teks & Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri kini mengetatkan proses pemilihan kelayakan perumahan mampu milik dengan melaksanakan proses penyemakkan semula kali kedua pada peringkat tawaran sebelum surat tawaran dikeluarkan kepada pemohon yang betul-betul layak.



JAGDEEP Singh Deo (tengah) bersama-sama Jeff Ooi Chuan Aun (kanan sekali) dan Ng Wei Aik menunjukkan laporan-laporan kes permohonan rumah mampu milik yang tidak mematuhi peraturan ditetapkan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, bagi melaksanakan proses tersebut, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Semakan kali kedua dibuat adalah bagi memastikan bahawa pemohon belum lagi memiliki rumah sepanjang tempoh permohonan dibuat dan diluluskan.

"Kerjasama dengan PTG dan PBT adalah melalui semakan data dan bayaran cukai pintu dalam memastikan seseorang pemohon masih belum memiliki atau membeli rumah lain selain unit rumah mampu milik yang dipohon menerusi Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, pendekatan tersebut adalah disebabkan konflik sesetengah pembeli rumah yang tidak mengemas kini status masing-masing.

"Rumah yang disediakan adalah untuk mereka (pemohon) yang benar-benar layak, iaitu masih belum memiliki rumah dan tidak berkemampuan.

"Tetapi, konflik terjadi apabila mereka (pemohon) tidak mengemas kini semula maklumat hartanah dan juga slip gaji terakhir sehingga menyebabkan rumah yang diberikan (permohonan berjaya) tidak diduduki, malahan lebih teruk lagi, ia dijual atau disewakan kepada orang lain.

"Sekiranya seseorang pemohon didapati memberikan maklumat palsu, kita (Kerajaan Negeri) tidak teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya," tegas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

## Bayaran Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2015

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) akan membuat pembayaran Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) di bawah Program i-SEJAHTERA sebanyak **RM100.00** seorang kepada OKU yang berdaftar dengan program ini. Maklumat pembayaran seperti berikut:

Tarikh : **Mulai 16 -27 Oktober 2015 (Tuntutan wang insentif TIDAK akan dibuat selepas tarikh ini)**

Cara bayaran : Bagi pemegang akaun BSN – *Electronic Funds Transfer* (EFT) ke akaun masing-masing.
Bagi pemegang akaun selain BSN - Secara tunai kepada semua OKU di mana-mana cawangan BSN seluruh negeri Pulau Pinang. Mereka juga dikehendaki membuka akaun BSN secara percuma untuk urusan pembayaran tahun seterusnya.

**Surat makluman berkenaan perkara ini akan diserahkan oleh JKKK masing-masing mulai 8 Oktober 2015.**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang membelanjakan sejumlah RM 866,400.00 bagi tujuan ini. Statistik penerima bantuan adalah seperti di bawah.

**Statistik Penerima Bantuan OKU Tahun 2015 (RM100.00 Seorang) Mengikut Daerah**

| BIL | DAERAH | JUMLAH PEMOHON |
|---|---|---|
| 1 | SEBERANG PERAI UTARA | 1510 |
| 2 | SEBERANG PERAI TENGAH | 1675 |
| 3 | SEBERANG PERAI SELATAN | 1114 |
| 4 | TIMUR LAUT | 2603 |
| 5 | BARAT DAYA | 1369 |
| 6 | JKMNPP | 393 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 8664 |

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui JKMNPP juga akan membuat pembayaran Sumbangan Bantuan Pengurusan Jenazah bagi Tahun 2015 kepada waris OKU yang telah meninggal dunia yang berdaftar bawah Program i-SEJAHTERA.
Kerajaan Negeri Pulau Pinang membelanjakan sejumlah RM 53,000.00 bagi tujuan ini. Statistik penerima bantuan adalah seperti di bawah.

**Statistik Penerima Bantuan Pengurusan Jenazah OKU Tahun 2015 (RM1000.00 Seorang) Mengikut Daerah**

| BIL | DAERAH | JUMLAH KES |
|---|---|---|
| 1 | SEBERANG PERAI UTARA | 9 |
| 2 | SEBERANG PERAI TENGAH | 7 |
| 3 | SEBERANG PERAI SELATAN | 15 |
| 4 | TIMUR LAUT | 15 |
| 5 | BARAT DAYA | 7 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 53 |

# Mangsa gigitan positif virus rabies terima sumbangan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika menyampaikan sumbangan kepada S. Prabagan (kiri sekali) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.



MOHD. Omar Hussairi Mohd. Yusri (kiri) dan Mohd. Yusri Mohd. Hashim ketika diwawancara.

**GEORGE TOWN** – Tiga mangsa gigitan anjing yang disahkan pembawa virus anjing gila atau rabies, masing-masing menerima sumbangan bernilai RM500 daripada Kerajaan Negeri, di sini baru-baru ini.

Sumbangan tersebut disampaikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam suatu majlis ringkas yang turut dihadiri barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Ketika berucap, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri memandang serius insiden gigitan anjing yang bukan sahaja mengundang keresahan umum, malah lebih berisiko sekiranya ia tidak dibendung dengan segera.

Malah, tegasnya, rakyat perlu memahami keputusan yang diambil Kerajaan Negeri untuk menakai *(culling)* anjing-anjing liar dan terbiar, merupakan satu tindakan yang serius kerana wabak rabies boleh mengundang risiko (kematian) kepada semua.

"Oleh itu, saya harap isu ini dapat dilihat secara rasional dengan menggunakan logik dan bukannya beremosi," katanya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Pakar Perunding Kesihatan Awam Kawalan Penyakit Berjangkit Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr. Saraswathi Bina Rai.

Jelas Guan Eng, sungguhpun keputusan yang diambil Kerajaan Negeri disifatkan sebagai tindakan 'berani' oleh sesetengah pihak, namun, tegasnya, sebagai seorang Ketua Menteri, beliau bertanggungjawab terhadap semua rakyat termasuk mangsa-mangsa gigitan anjing gila.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri bukan sahaja mengambil langkah pengawalan wabak melalui penakaian, tetapi juga turut melaksanakan pemvaksinan anjing-anjing peliharaan bagi mencegah jangkitan rabies dan pendidikan awam meliputi kawasan perumahan, kampung dan perindustrian.

"Pada masa sama, kita (Kerajaan Negeri) juga menyeru mana-mana badan bukan kerajaan (NGO), orang perseorangan atau aktivis haiwan yang ingin bekerjasama memantau perkembangan wabak ini untuk tampil membantu pegawai-pegawai awam (dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar, DVS) dan pihak berkuasa tempatan) bagi membendung penularan wabak rabies," jelasnya.

Sementara itu, mangsa, Mohd. Omar Hussairi Mohd. Yusri, 11, ketika ditemui menceritakan detik-detik cemas digigit anjing pada 13 September lalu.

"Waktu itu, saya dalam perjalanan balik dari sebuah kedai selepas membeli beberapa barang keperluan dapur, kemudian ada seekor anjing datang terus gigit betis," katanya kepada Buletin Mutiara selepas selesai majlis sidang media di sini.

Bapanya, Mohd. Yusri Mohd. Hashim, 39, yang bekerja sebagai pemandu bas terus bergegas pulang dan membawa anaknya ke Hospital Balik Pulau.

"Sangat risau, masa itu tak tahu pun tentang penyakit ni, setelah anjing tu ditangkap, pihak hospital memberitahu, anjing tu positif rabies.

"Sekarang ni, bukan sahaja dia yang trauma dan takut, saya sendiri pun takut nak biar anak-anak keluar rumah." ujarnya.

Selain ditahan di wad selama dua hari, Mohd. Omar yang merupakan anak sulung daripada empat beradik juga perlu mendapatkan enam suntikan setiap empat hari bagi mengelakkan penularan virus rabies.

Turut berkongsi pengalaman, S. Prabagan, 31, yang bertugas di Unit Perkhidmatan Veterinar, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Saya digigit sewaktu menjalankan operasi penakaian anjing liar, tiba-tiba anjing tu melompat dan menggigit kaki kanan saya, saya tak sempat berbuat apa-apa," kata beliau.

Seorang lagi mangsa terlibat, warga emas berusia 65 tahun, Lee Gam Chai yang berasal dari Sungai Pinang, Balik Pulau.

## Pendirian berubah selepas digigit anjing liar

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



D. Mangaleswari sambil ditemani ibunya, M. Santha menunjukkan kesan kecederaan digigit anjing liar dalam kejadian 22 September lalu.

**BAYAN BARU** – Jururawat, D. Mangaleswari, 28, merupakan pencinta haiwan dan merupakan salah seorang yang menentang sekeras-kerasnya tindakan Kerajaan Negeri menakai *(culling)* anjing-anjing liar ekoran penularan wabak anjing gila atau rabies di negeri ini.

Namun, pendirian beliau berubah apabila dirinya sendiri menjadi mangsa gigitan anjing liar dalam kejadian 22 September lalu di luar sebuah premis runcit berhampiran Kampung Buah Pala, Bukit Gelugor.

"Ketika sampai di tempat kejadian, saya turun dari kereta dan berjalan menuju ke kedai (runcit) untuk membeli kad pra bayar telefon, namun, didapati (kedai runcit) tutup.

"Sambil berjalan kembali ke kereta, tiba-tiba datang tiga ekor anjing. Saya ingatkan ia ingin 'bermain' dengan saya, namun, dengan tiba-tiba, ia bertindak menyerang saya. Salah seekor anjing itu menggigit paha kanan saya dan selepas gigit, ia masih menyerang saya.

"Kebetulan ketika itu, beberapa kanak-kanak yang sedang bermain di taman permainan berhampiran menghalau anjing-anjing berkenaan," katanya yang mendapat rawatan di sebuah hospital swasta kepada pihak media di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut mengadakan lawatan terhadap Mangaleswari.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan.

Mengulas lanjut, Mangaleswari menyatakan bahawa beliau adalah bernasib baik kerana hasil rawatan mendapati dirinya negatif wabak rabies.

"Anjing yang menggigit saya masih belum berjaya ditangkap.

"Saya mengakui bahawa saya seorang yang cintakan haiwan, namun atas kepentingan umum, tindakan Kerajaan Negeri dalam membasmi jangkitan wabak rabies adalah wajar disokong," ujar beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng membidas sebuah akhbar perdana berbahasa Melayu yang bertindak menjadikan isu wabak rabies sebagai modal politik.

"Saya ingin nasihatkan akhbar berkenaan supaya tidak mengaitkan isu politik berkenaan masalah rabies ini. Adakah mereka akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kes-kes yang serius terjadi kepada mangsa gigitan anjing gila?

"Saya amat marah kerana saya lihat suratkhabar ini cuba memperjudikan nyawa manusia dalam isu ini. Jangan main-main dalam hal ini," tegas beliau.

Mengulas lanjut, Afif menasihatkan para pemilik anjing supaya selalu menjaga kebersihan persekitaran seperti bekas makanan binatang peliharaan masing-masing.

"Paling utama ialah kurung anjing dalam keadaan selamat serta elakkan peliharaan daripada bebas ke mana-mana," seru beliau.

## Vaksin baru rabies, KN sedia tubuh logistik bersama Pusat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN LILIAN**



DR. Rozanah Asmah Abd. Samad ketika mengadakan perbincangan dengan Luke Gamble selepas majlis sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Sebanyak 40,000 vaksin anti rabies baru yang dicadangkan oleh *World Veterinary Services* (WVS) akan dinilai uji terlebih dahulu oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam tempoh minimum tiga bulan, sebelum diagihkan ke semua negeri termasuk Pulau Pinang sesegera mungkin.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri bersedia untuk membeli 5,000 vaksin baru itu, selain yang dibekalkan secara percuma oleh Kerajaan Pusat.

Malah, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri bersedia menubuhkan pasukan logistik untuk proses kelulusan vaksin baru di peringkat negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat, demi kepentingan keselamatan habitat anjing dan manusia di negeri ini.

"Kerajaan Negeri sedia bekerjasama dari segi logistik untuk menubuhkan satu pasukan logistik bersama-sama Pusat.

"Dalam tempoh ini, saya berharap pemilik anjing dapat menjaga anjing masing-masing," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, Dr. Rozanah Asmah Abd. Samad, Ketua Eksekutif WVS, Luke Gamble dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Sebelum itu, Rozanah Asmah memberitahu bahawa kebiasaannya tempoh ujian vaksin yang baru mengambil tempoh masa tiga hingga enam bulan, dan dalam tempoh kecemasan ini, tempoh minimum selama sebulan masih diperlukan.

Bagi Gamble, beliau menyatakan bahawa prosedur kelulusan proses membawa masuk sesuatu vaksin baru ke mana-mana negara selalunya mengambil masa sekitar enam bulan.

# Tiada catuan air walau apa sekali terjadi - KM

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**KETUA Menteri sambil ditemani Ir. Jaseni Maidinsa (kiri sekali) menyampaikan watikah penghargaan kepada salah seorang kakitangan yang telah berkhidmat selama 35 tahun pada Majlis Makan Malam Penghargaan PBAHB dan PBAPP di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru supaya kakitangan Perbadanan Bekalan Air Holdings Bhd. (PBAHB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) supaya jangan bermentaliti silo, sebaliknya bekerja sebagai sebuah pasukan agar dapat mencapai pretasi cemerlang.

Beliau yang juga pengerusi perbadanan memberitahu, dengan sikap sedemikian, ia secara tidak langsung dapat memastikan komitmen PBAPP dan PBAHB dalam memastikan bekalan air adalah berterusan dan tidak akan berlakunya sebarang catuan air di negeri ini tercapai.

"Tujuan kita mudah, pastikan bekalan air berterusan. Jadi, seperti yang selalu saya sebutkan, '*heads will roll*' jika berlakunya catuan air di Pulau Pinang.

"Bagi mencapai matlamat tersebut, Lembaga Pengarah PBAPP dan PBAHB haruslah bersama-sama berganding bahu dengan pihak pengurusan. Pihak pengurusan dipimpin Dato' Ir. Jaseni (Maidinsa) faham, terima dan beri tumpuan kepada cabaran ini secara konstruktif terutamanya dalam memberi perkhidmatan kepada negeri ini.

"Dengan ini, barulah matlamat utama supaya tidak ada catuan air walau apa sekali pun terjadi, dapat dicapai," ucapnya pada Majlis Makan Malam Penghargaan PBAHB dan PBAPP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dan isteri, Datin Dr. Rohana Ariffin, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan) dan Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai).

Penganjuran majlis tersebut adalah bagi menghargai komitmen dan pengorbanan kakitangan PBAPP dan PBAHB yang telah bertungkus-lumus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat negeri ini.

Turut diraikan, kakitangan terpilih yang telah berkhidmat selama 35 tahun.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menzahirkan ucapan tahniah kepada pihak pengurusan dan kakitangan perbadanan yang telah membantu merealisasikan semua pencapaian utama bagi tempoh 2011 hingga 2015.

# Penarafan parkir bertingkat Komtar, siap dalam 6 bulan



**(Dari kiri), ROSLI Jaafar, Teh Lai Heng dan Ir. Ang Choo Hong ketika menyempurnakan gimik projek penarafan kompleks parkir bertingkat di sini baru-baru ini.**

OLeh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD DAUD**

**GEORGE TOWN** – Masalah kekurangan parkir di sekitar kawasan Komtar bakal berakhir apabila projek naik taraf kompleks parkir bertingkat di sini siap sepenuhnya dalam tempoh kira-kira enam bulan (bermula September 2015).

Ketua Pegawai Eksekutif PDC Setia Urus Sdn. Bhd., Datuk Ir. Ang Choo Hong berkata, setelah projek penarafan selesai, kompleks tersebut bakal dilengkapi dengan 288 lot tempat letak kereta dan 180 (motosikal).

"Jumlah tersebut bakal menjadikan keseluruhan petak parkir sekitar Komtar termasuk pusat membeli-belah Prangin Mall dan *1st Avenue* berjumlah kira-kira 1,500 unit.

"Jumlah ini secara tidak langsung dapat menampung keperluan petak parkir pada waktu puncak," katanya ketika mengadakan lawatan ke kompleks parkir bertingkat Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan pihak pemaju diwakili Pengarah Operasi Only World Group (OWG), Richard Cheong.

Menurut Choo Hong, kerja-kerja penaiktarafan dan pengurusan kompleks akan dilaksanakan pihak OWG.

"Selaras itu, masa operasi juga akan ditingkatkan kepada 24 jam berbanding dari 7 pagi hingga 10.30 malam kini," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, kerja-kerja menaiktaraf adalah termasuk mengecat semula bangunan dan petak parkir kereta, pendawaian elektrik, penambahan lampu, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), pemasangan penunjuk indicator (lampu) hijau atau merah, pemasangan mesin bayaran automatik, penggantian dua lif dan sebuah eskalator.

"Setiap tingkat parkir juga akan dicat dengan warna yang berbeza bagi memudahkan pemilik kenderaan mengenalpasti lokasi kenderaan masing-masing.

"Lebih istimewa, tingkat lima akan dicat dengan warna merah jambu yang mana ia (petak parkir) dikhaskan untuk pemandu wanita," jelas beliau sambil menyatakan bahawa tiada peningkatan dalam kadar bayaran.



## BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.
## SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Nuwata Sdn Bhd**<br>25-B Lebuh Farquhar<br>10200 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04-2637888<br>No. Fax : 04-2616985 | Di Atas Lot 7593, Mukim 13,<br>Jalan Bukit Gambir<br>Daerah Timur Laut<br>Pulau Pinang. | Raffel Tower | Kondominium | RM198,800.00 -<br>RM1,346,000.00 | RM188,860.00 -<br>RM1,278,700.00 | 35 | Ms. Jois Ho Gaik Fhei |
| 2. | **TPPT Sdn. Bhd.**<br>Tingkat 5, 7 & 8<br>Menara Takaful Malaysia 4<br>Jalan Sultan Sulaiman<br>50000 Kuala Lumpur<br>No. Tel : 03 22742277<br>No. Fax : 03 22735185 | Di Atas Lot 1801, Mukim 11<br>Jalan Teluk Kumbar<br>Daerah Barat Daya<br>Pulau Pinang. | Teluk Kumbar Heights – Platinum III | Kondominium<br>27 Tingkat | RM457,300.00 -<br>RM573,200.00 | RM434,435.00 -<br>RM544,540.00 | 78 | Ms. Khoo |
| 3. | **Demi Canggih Sdn. Bhd.**<br>No. 59 Jalan Bukit Tambun<br>Pusat Perniagaan Tambun Indah<br>14100 Simpang Ampat<br>Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 5057648/9648<br>No. Fax : 04 5040648 | Di Atas Lot 1277, Mukim 15, Valdor<br>Seberang Perai Selatan<br>Pulau Pinang. | Taman Rebana Indah | Rumah Teres<br>2 Tingkat<br><br>Rumah Berkembar<br>2 Tingkat | RM398,800.00 -<br>RM436,000.00<br><br>RM568,800.00 -<br>RM583,800.00 | RM378,860.00 -<br>RM414,200.00<br><br>RM540,360.00 -<br>RM554,610.00 | 15<br><br>6 | Ooi Kheng Guan/<br>Ms. Teoh |
| 4. | **Sure Commerce Sdn. Bhd.**<br>Suite 19D Menara Northam<br>55 Jalan Sultan Ahmad Shah<br>10050 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 2103399<br>No. Fax : 04 2103393 | Di Atas PT 1217,<br>Jalan Seri Tanjung Pinang 1, Seksyen 1<br>Bandar Tanjong Pinang<br>Daerah Timur Laut<br>Pulau Pinang. | The Jazz | Piano<br>Forte<br>Crescendo<br>Penthouse | RM887,250.00<br>RM952,250.00<br>RM1,264,250.00<br>RM1,856,400.00 | RM842,887.50<br>RM904,637.50<br>RM1,201,037.50<br>RM1,763,580.00 | 10<br>2<br>4<br>2 | Tong Chon Siew |
| 5. | **Tauplene Development Sdn. Bhd.**<br>723 U, 2nd Floor, Vanda Business Park<br>Jalan Sungai Dua<br>11700 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 6583255<br>No. Fax : 04 6583256 | Di Atas Lot 392,393,394,395 & 807<br>Seksyen 1, Bandar Jelutong<br>Daerah Timur Laut<br>Pulau Pinang. | - | Pangsapuri Kos Sederhana | RM711,550.00 -<br>RM790,000.00 | RM675,972.50 -<br>RM750,500.00 | 20 | - |

# Hujan lebat punca limpahan air berlebihan ke Jln. Paya Terubong - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



WAJAH kolam takungan air di *Eco World* yang sedang diperluas dan diperdalam.



KETUA Menteri bersama-sama Chow Kon Yeow (depan, tiga dari kiri) dan Yeoh Soon Hin (depan, dua dari kiri) ketika melawat kawasan berhampiran Pangsapuri Green Garden di sini baru-baru ini.

**PAYA TERUBONG** – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, insiden limpahan air ke Jalan Paya Terubong berhampiran kawasan Pangsapuri Green Garden pada 23 September lalu dikenalpasti berpunca oleh air berlebihan dari bukit ekoran hujan yang sangat lebat.

Respons Kon Yeow itu sekaligus menyanggah laporan sebuah akhbar perdana berbahasa Inggeris baru-baru ini, yang menuduh insiden di pangsapuri berkaitan adalah disebabkan projek pembangunan di kawasan lereng bukit.

"Kita (Kerajaan Negeri) dapati langsung tiada kerja-kerja pemajuan di belakang Pangsapuri Green Garden, tetapi, sumber air yang terlalu kuat dari kawasan ini.

"Maka, kita (Kerajaan Negeri) boleh katakan bahawa sumber air utama dari (Pangsapuri) Green Garden, sumber kedua dari projek perumahan *Majestic Heights* dan sedikit sebanyak (punca) dari projek perumahan *Eco World* apabila kolam tadahan air melimpah," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas melawat lokasi insiden di sini bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Wong Hon Wai (ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri), ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin dan Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor).

Hadir sama, Setiausaha Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Ang Aing Thye dan Ir. Addnan Mohd. Razali (Pengarah Kejuruteraan MBPP).

Kon Yeow bagaimanapun memberitahu bahawa insiden tanah runtuh pada 14 September lalu dikenalpasti berpunca oleh kolam takungan di tapak pemajuan PLB Land Sdn. Bhd. (PLB Land) dan Eco Terrace Development Sdn. Bhd. (Eco Terrace) yang tidak dapat lagi menampung aliran air permukaan ekoran hujan yang lebat pada hari kejadian.

"Susulan itu, beliau memberitahu, Notis Menghendaki Kerja Tanah Diberhentikan telahpun dikenakan ke atas PLB Land, iaitu pemaju yang baru mengambil alih projek terbengkalai *Majestic Heights*.

"Notis serupa turut dikenakan ke atas Eco Terrace, iaitu pemaju projek *Eco World*.

"Manakala, pemaju *Eco Valley* pula dikenakan Notis Menghendaki Kacau Ganggu Dihapuskan pada tarikh sama, 14 September.

"Ketiga-tiga pemaju diminta melakukan kerja-kerja mitigasi terlebih dahulu dalam tempoh dua minggu dari tarikh notis dikeluarkan, dengan dipantau Jabatan Kejuruteraan MBPP, demi mengelak insiden serupa berulang," jelas beliau.

Dalam tempoh itu, Kon Yeow menyatakan bahawa PLB Land telahpun mengeluarkan selut dari longkang serta menyediakan kolam takungan baru, manakala, kerja-kerja mendalamkan kolam takungan sedia ada turut dilakukan oleh Eco Terrace.

"*Geo Valley* pula sedang melakukan penutupan kawasan lereng bukit yang terdahulu pada '*geotextile*'.

"Belumpun kerja-kerja pembesaran dan mendalamkan kolam takungan siap sepenuhnya, malangnya insiden kedua berlaku di mana (kolam takungan sedia ada) tidak mampu menampung aliran air di permukaan disebabkan hujan yang terlalu lebat (pada 23 September).

"Jika kita (Kerajaan Negeri) berpihak kepada pemaju seperti laporan mengelirukan (dalam terbitan akhbar perdana berbahasa Inggeris) berkaitan, ketiga-tiga pemaju terbabit tidak akan dikenakan '*Stop Work Order*' serta-merta semasa insiden pertama berlaku pada 14 September lalu lagi," ujar beliau.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow berkata, kerja-kerja penarafan parit merintangi Jalan Paya Terubong yang sedang dijalankan di sini turut dikenalpasti sebagai salah satu punca berlakunya limpahan air berlebihan semasa hujan lebat baru-baru ini.

# P. Pinang lulus RM3 juta naik taraf rumah pam, KM mohon biaya tambahan Pusat



LOKASI operasi mengepam air dari muara Sungai Teluk Kumbar ke pinggir perairan laut.



KEADAAN muara Sungai Teluk Kumbar dekat Bayan Lepas, yang kelihatan hampir separas dengan tapak sebuah rumah kampung di sini.

**BAYAN LEPAS** – Rumah pam air sedia ada yang berkapasiti 18 meter kubik sesaat di muara Sungai Teluk Kumbar akan dinaiktaraf ke 40 meter kubik sesaat dengan anggaran RM3 juta dibiayai oleh Kerajaan Negeri, dan keupayaan jentera tersebut sedia ditingkatkan sehingga 60 meter kubik sesaat jika mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pihaknya akan menulis surat kepada Kerajaan Pusat untuk meminta peruntukan tambahan itu, memandangkan projek penarafan tersebut akan mengurangkan risiko bencana banjir yang dialami penduduk Kampung Nelayan Teluk Kumbar, Perumahan PERDA, Kampung Suluk, Kampung Paya dan Kampung Masjid di sepanjang sungai tersebut.

"Kita (Kerajaan Negeri) ada rancangan untuk (menaiktaraf jentera mengepam air) ke (kapasiti) 40 meter kubik sesaat.

"Kalau Kerajaan Pusat boleh beri sedikit peruntukan, kita (Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat) boleh bersama-sama meningkatkan kapasitinya ke 60 meter kubik sesaat," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih semasa melawat rumah pam tersebut di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir merangkap ADUN Padang Kota, Chow Kon Yeow, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap ADUN Batu Maung), Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Air Itam) dan Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor) turut sertai lawatan kerja itu.

Hadir sama, dua Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mhd. Nasir Yahya dan Mohamed Yusoff Mohamed Noor, Ir. Ang Aing Thye (Setiausaha MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali (Pengarah Kejuruteraan MBPP) serta A. Rajendran (Timbalan Pengarah Kejuruteraan MBPP).

Sebelum itu, Kon Yeow memberitahu, peruntukan RM3 juta itu turut meliputi kos penarafan pintu kawalan pasang surut daripada manual kepada automatik, pemasangan sistem amaran banjir, sistem solar *winterbind* dan CCTV (kamera litar tertutup).

"Ini, kawasan satu meter lebih rendah dari paras laut, selalu mengalami banjir apabila hujan lebat dan air laut pasang besar berlaku.

"Maka, rumah pam yang lebih besar diperlukan untuk menangani dua masalah besar ini, dan Kerajaan Negeri pada awal tahun ini (2015) telahpun meluluskan peruntukan RM3 juta.

"Lantikan jurutera perunding dijangka 15 Oktober 2015, kita (Kerajaan Negeri) berharap jurutera JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) Daerah (Barat Daya) dapat segerakan projek ini, jangan tunggu musim hujan dan air pasang besar di (bahagian) pulau pada bulan Mac dan April (tahun depan)," jelas Kon Yeow.

# Bahasa Melayu bahasa kita semua

Oleh : **OOI KOK HIN**
**Penyelidik di Penang Institute dan Presiden Universiti Terbuka Anak Muda (UTAM)**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**BARU-**baru ini timbul isu mengenai papan tanda Pasar Seni. Gambar yang dimuatkan oleh seseorang pengguna Facebook telah menangkap perhatian ramai dan menjadi viral. Dalam kapsyennya, dia menulis, "... terperanjat besar aku. aku ni kat Kuala Lumpur ke... atau kat Hong Kong... atau kat Macau ke... atau kat Beijing?... Oh Negaraku Malaysia."

Seperti biasa, masyarakat Malaysia yang masih tersempit dan bergelut dengan sentimen perkauman menjadikan isu bahasa sebagai isu perkauman. Ia satu kemalangan untuk negara kita kerana kita amat jarang sekali boleh mengadakan disklusi yang rasional, membina dan konstruktif tentang bahasa (dan sekolah) tanpa sentimen kaum. Namun, tidak salah mencuba rasanya.

Bahasa jiwa bangsa. Apakah peri pentingnya tiga perkataan yang sering diulangi di zaman sekolah kita? Bahasa adalah teras sesuatu kaum. Amatlah malang jika sesuatu bangsa tidak mengangkat bahasanya sendiri. Tidak kira sama ada kita memperjuangkan bangsa Malaysia dan/atau bangsa Melayu, rasanya kita sama-sama setuju bahawa bahasa bangsa Malaysia/Melayu perlu diangkat.

Ketika belajar di Amerika Syarikat, saya memperhatikan usaha memupuk perpaduan dan identiti seragam *(common identity)*. Di situ pun usaha membina perpaduan adalah sesuatu yang mengambil masa dan tenaga, sebaliknya usaha memecah-belahkan masyarakat lebih mudah dan cepat. Apatah lagi di negara kita yang bukan sahaja mempunyai warganegara pelbagai kaum dan agama, tetapi juga bahasa yang berlainan. Di Amerika, tidak kira orang berkulit putih atau hitam, sekurang-kurangnya mereka berkomunikasi dalam bahasa yang sama.

Cabaran yang menghadapi kita adalah bagaimana hendak memperkukuhkan dan memperluaskan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan warganegara kita.

**Bahasa sebagai medium perpaduan**

Kebatasan menguasai sesuatu bahasa akan mendatangkan kesan kepada kehidupan bermasyarakat di negara ini. Jurang bahasa ataupun *language gap* adalah satu masalah yang perlu ditangani dan diselesaikan.

Kita perlukan satu bahasa yang membolehkan semua warganegara berkomunikasi antara satu sama lain. Jika tidak, ada antara kita yang akan hidup dalam "ghetto" masing-masing. Kesesuaian, malah kepentingan, bahasa Melayu/Malaysia sebagai medium perpaduan sukar dinafikan.

Kita tidak memerlukan hujah bersifat perkauman dan emosi untuk melihat bahawa penguasaan bahasa Melayu adalah terbaik untuk pembinaan negara bangsa *(nation-building)* kerana pertamanya, bahasa ini paling banyak digunakan dalam masyarakat kita. Kedua, ia lebih mudah dipelajari berbanding bahasa lain. Ketiga, ia merupakan kesinambungan sejarah tanah air dan masyarakat kita. Keempat, Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kelima, kehidupan bermasyarakat mengharuskan kita untuk cuba memahami satu sama lain dan cara terbaik untuk memulakan proses pemahaman ini adalah meluaskan penggunaan bahasa majoriti.




ZAIRIL Khir Johari ketika berbahas di sidang Parlimen. Penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan wakil rakyat ketika perbahasan di Parlimen mahupun sidang Dewan Undangan Negeri adalah perlu dalam menggalak dan memartabatkan penggunaan bahasa ibunda.

**Tanggungjawab bersama Orang Melayu dan bukan Melayu**

Tidak kira Melayu atau bukan Melayu, kita semua mempunyai peranan untuk mengangkat semula bahasa ini. Kita patut menggalakkan orang bukan Melayu bertutur dalam bahasa Melayu dan membuatkan mereka sedar bahawa bahasa ini milik kita semua. Kita patut menanam rasa pemilikan *(sense of ownership)* antara orang bukan Melayu.

Orang Melayu pula jangan menganggap bahasa ini milik ekslusifnya sahaja. Malah, sebenarnya mereka mempunyai tanggungjawab yang lebih berat dalam mengangkat martabat bahasa Melayu. Apakah gunanya jika lantang mengeluarkan kenyataan kononnya memperjuangkan bangsa Melayu tetapi merendahkan bahasa sendiri? Saya maksudkan orang Melayu yang suka menggunakan ayat dan perkataan ringkasan seperti "awk", "ko", "aq", "klo", "x heran" dan sebagainya. Perkataan sedemikian boleh diamalkan dalam perbualan seharian, tetapi tidak patut digalakkan dalam tulisan dan ucapan. Untuk mengangkat semula martabat bahasa, kita perlu mula dengan menggunakannya dengan betul.

Selain itu, seringkali terdapat perdebatan sama ada kita patut menamakan bahasa kebangsaan sebagai Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia. Pada hemat saya, perbahasan ini bukan mustahak. Persoalan pokok bukan sama ada namanya Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia, tetapi bagaimana kita menggalakkan lebih ramai orang menggunakannya.

Contohnya, seorang sahabat saya sangat mementingkan terminologi Bahasa Malaysia. Mungkin dia akan membaca artikel ini dan "menegur" saya nanti. Walaupun mempunyai perbedaan pendapat di situ, kami berdua kerap menggunakan bahasa Melayu/Malaysia dalam makalah kami. Kami tetap menyaran rakan-rakan Melayu dan bukan Melayu untuk belajar, bertutur, dan menulis dalam bahasa kebangsaan. Perbezaan kami hanya mengenai satu butiran sahaja; kami mempunyai matlamat yang sama. Yang penting, kita promosikan penggunaan bahasa ini.

Poin terakhir adalah berkenaan wakil rakyat. Disebabkan prosiding, dokumen, dan mesyuarat parlimen dan urusan kerajaan mesti dilakukan di dalam bahasa Melayu, wakil rakyat perlu memperbaiki penguasaan bahasa Melayu. Kadang-kala agak "sukar" mendengar sesetengah wakil rakyat berbahas dalam bahasa Melayu. Namun, saya memuji sikap mereka yang berani mencuba. Harap dapat meneruskan usaha mempelajari dan menggunakan bahasa kebangsaan!

Perubahan bermula dari kita. Jika kita ingin bangga dengan bahasa kita dan ingin mengangkat bahasa Melayu, kita semua perlu memainkan peranan masing-masing untuk menggalakkan penggunaan bahasa ini sebagai medium perpaduan dan pengantaraan. Hentikan penghinaan kepada bahasa dan mula menulis dengan menggunakan bahasa yang betul (atau sekurang-kurangnya cuba). Bangga dengan bahasa kita. Ingat, bahasa Melayu/bahasa Malaysia bahasa semua rakyat Malaysia!



PERTANDINGAN pidato berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah adalah salah satu usaha perlu bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai medium perpaduan negara.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| AIR PUTIH<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| PANTAI JEREJAK<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| PADANG KOTA<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| BATU MAUNG<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| BAGAN JERMAL<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| BATU LANCHANG<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| BUKIT TAMBUN<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| AIR ITAM<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| BERAPIT<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| TANJONG BUNGAH<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| JAWI<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| PENGKALAN KOTA<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| BAGAN DALAM<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| KEBUN BUNGA<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| SUNGAI BAKAP<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| PULAU TIKUS<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| PERMATANG PASIR<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| BUKIT TENGAH<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| PENANTI<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| BATU UBAN<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| SERI DELIMA<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| DAP PENANG HQ<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| PKR PENANG HQ | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| BERTAM<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| PINANG TUNGGAL<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| PERMATANG BERANGAN<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| TELOK AIR TAWAR<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| SUNGAI ACHEH<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| BAYAN LEPAS<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| PULAU BETONG<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| TELUK BAHANG<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>- | - |
| BERTAM<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981<br>012-466 9681 |
| PINANG TUNGGAL<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887<br>017-424 9371 |
| PERMATANG BERANGAN<br>- | - |
| SUNGAI DUA<br>- | - |
| TELOK AIR TAWAR<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119<br>017-595 9891 |
| SUNGAI ACHEH<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515<br>017-402 6973 |
| BAYAN LEPAS<br>- | - |
| PULAU BETONG<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500<br>016-407 2135 |
| TELUK BAHANG<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849<br>017-413 5695 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN)<br>(BUTTERWORTH) | 04-210 2363<br>04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | - | - - |
| N2 | Bertam | 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | - | - - |
| N5 | Sungai Dua | - | - - |
| N6 | Telok Air Tawar | 017 - 595 9891 | - Norfatin |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | - Siti Hajar |
| N22 | Tanjong | 012 - 465 0021 | - Tina |
| | Bungah | 011 - 12441069 | - Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | - | - - |
| N39 | Pulau Betong | 016 - 407 2135 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | 017- 413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Mustafa Kamal Ahmad | 019 - 556 9552 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorty | Seberang Perai Tengah | - | 019 - 457 2271 |
| 5. | R. Gunalan | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 011 - 2666 6901 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang September 2015




14hb Oktober
***Awal Muharram 1437H***


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256




TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (tengah, berbaju biru muda) sambil ditemani barisan kepimpinan setempat dan para peserta menunjukkan tanda bagus selepas penyempurnaan Majlis Perasmian Gelanggang Futsal Teluk Bahang.







EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng (tengah, berbaju jingga) memerhatikan trofi kemenangan yang dimenangi pasukan negeri dalam Kejohanan Kebangsaan Floorball Piala Merdeka 2015.




(a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan dalam Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara **PERCUMA** di kaunter Muzium Negeri Pulau Pinang, Balai Seni Lukis dan Bangunan No. 57 Jalan Macalister. Borang Permohonan juga boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang di http://www.penangmuseum.gov.my. Borang tersebut mestilah disertakan dengan butiran diri (resume) yang menyatakan kelayakan akademik, pengalaman bekerja dan salinan sijil-sijil yang telah disahkan berkaitan dengan bidang dipohon.
(b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32 sm x 22 sm.
(c) Permohonan yang berikut akan ditolak sekiranya :-

- Tidak menggunakan borang permohonan jawatan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.
- Tidak disertakan gambar atau salinan dokumen yang diperlukan.
- Tidak lengkap atau tidak terang.
- Salinan dokumen-dokumen yang diperlukan tidak disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan.
- Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
- Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat ; dan
- Tidak menandatangani borang permohonan.

4. **PERMOHONAN HENDAKLAH DISAMPAIKAN KEPADA;**

**Bahagian Pentadbiran (Perjawatan)**
**Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang**
**No. 57, Jalan Macalister,**
**10400, Georgetown, Pulau Pinang**
sebelum atau pada **30hb. Oktober 2015 jam 5.00 petang.**

**Catatan Am:**

- Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan akan dipanggil temuduga.
- Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

# Pak Long martabat sukan bina badan, tidak kedekut kongsi ilmu

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GAMBAR**-gambar karektor hero filem Tarzan dan gambar-gambar mat saleh berbadan sasa menjadi rujukan utama Pak Long yang menyemai impian untuk memiliki susuk badan seumpama sejak di bangku sekolah.

"Zaman dulu, hanya boleh rujuk pada gambar-gambar dari majalah, tiada internet. Malah, orang memang tidak minat sangat bidang seni bina badan ni.

"Tapi, Pak Long memang minat dan memang cita-cita nak miliki badan macam tu (badan berotot)," jawab Pak Long ketika ditemui di pusat gym miliknya di Kampung Kubang Menerong, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini.

Lazimnya, sesi wawancara dengan Pak Long atau nama sebenar, Ahmad Chemeah, 66, adalah tidak dirancang sama sekali.

Kebetulan, ketika dalam perjalanan ke lokasi wawancara yang diatur sebelum itu, Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara melalui Gym Pak Long yang begitu menarik landskapnya.

Bercirikan reka bentuk 'gua dalam taman' dengan corak batu seakan-akan di zaman purbakala, kami memberhentikan kenderaan untuk 'mengintai' apa yang menarik di dalam.

Tidak mengecewakan, malah kedatangan kami disambut dengan hati terbuka oleh Pak Long dan isterinya, Ramlah Saani, 59, atau lebih dikenali sebagai Mak Long.

Walaupun peralatan di dalam Gym Pak Long nampak agak 'berusia', namun dari mata kasar dan emosinya, penulis dapat merasakan bahawa ia didirikan dengan penuh kasih sayang oleh pasangan tersebut serta keghairahan Pak Long dalam memartabatkan sukan seni bina badan.

Gym Pak Long ditubuhkan pada tahun 2000 semata-mata atas minat beliau tanpa berorientasikan sebarang keuntungan.

"Pak Long nak lahirkan minat golongan muda dalam bidang ini supaya mereka (golongan muda) dapat jauhkan diri daripada aktiviti sosial yang tidak sihat.

"Masa itu, memang modal hanya cukup-cukup dan Pak Long beli peralatan gym yang *second hand* dan bawa balik sini.

"Apabila ada modal lebih, Pak Long besarkan sedikit demi sedikit dan kini, boleh dikira agak lengkap walaupun ia tidak setanding dengan kelengkapan moden gym masa kini," katanya bahawa beliau hanya mengenakan bayaran sebanyak RM2 untuk setiap pengunjung tanpa mengehadkan tempoh masa latihan.

Kini, selain *barbel, dumbbell*, cakram beban dan *EZ curl bar*, terdapat juga peralatan-peralatan seperti *cable crossover machine*, *chest press machine* dan lain-lain di Gym Pak Long.

Atas faktor itu, secara purata, Pak Long memberitahu bahawa, dalam tempoh sehari, kira-kira 40 hingga 50 pengunjung akan mengunjungi gym beliau yang dibuka setiap hari dari jam 8.30 pagi sehingga 12 tengah malam.

Malah, Pak Long yang kini dikurniakan tiga cucu tidak pernah kedekut ilmu untuk berkongsi petua bagi melatih anak-anak muda yang mengimpikan tubuh badan sasa.

"Pak Long akan bagi nasihat tentang cara pemakanan. Jenis makanan yang perlu diamalkan, tempoh serta teknik latihan dan lain-lain yang berkaitan.

"Memang, kalau ikut nasihat dan amal cara pemakanan, anak-anak muda yang bertubuh kecil, dalam tempoh sebulan, pasti akan sasa," ujar beliau yang begitu lemah lembut pertuturannya.



PAK Long sedang memberi tunjuk ajar kepada salah seorang 'anak muridnya'.



AHMAD Chemeah atau lebih dikenali sebagai Pak Long.

Uniknya, semua rahsia petua Pak Long adalah hasil 'kajian' dan pengalaman beliau sendiri. Malah, sebelum memiliki gym sendiri, padang rumput dan trek keretapi yang terletak berhadapan dengan kediamannya menjadi 'medan' peragaan Pak Long.

Mengulas lanjut, Pak Long memberitahu bahawa berkecimpung dalam bidang seni badan juga memainkan peranan besar dalam mengawal penyakit diabetes yang dihidapinya sejak berusia 30-an disebabkan genetik keluarga.

"Pak Long ada tiga beradik lelaki dan semua memang ada kencing manis sebab keturunan.

"Pak Long dengan adik yang kedua minat dalam bidang ini, kami dapat kawal dengan baik sebab dengan main gym, ia dapat 'buang' semua gula dalam badan dan tahap gula juga dapat *maintain* tanpa perlu bergantung sangat pada pil-pil hospital,'' ujarnya yang turut dikurniakan dengan bakat serta kepakaran menghasilkan landskap.

Ketika ditanya mengenai persaingan, Pak Long menyatakan bahawa pusat-pusat gym moden tumbuh bagaikan cendawan kini. Malah, terdapat juga pelajar-pelajarnya, selepas berjaya memiliki bentuk badan diidami, masing-masing mengambil inisiatif membuka pusat gym sendiri.

"Bagaimanapun, Pak Long tidak merasakan sangat persaingan tersebut, mungkin disebabkan bayaran lebih murah dan suasana selesa di sini,'' jawabnya ringkas.

Bagi perancangan masa depan, Pak Long tidak menafikan bahawa beliau berharap gym miliknya akan berkembang dengan lebih maju.

Pada masa sama, turut menjadi impian beliau adalah untuk mengadakan pertandingan seni bina badan secara besar-besaran sebagai salah satu cara untuk membawa bidang sukan tersebut ke suatu tahap yang lebih tinggi sekaligus mempromosikan ia dalam kalangan muda mudi.

Pada penghujung sesi wawancara, penulis sempat bertanyakan kepada Mak Long sama ada beliau pernah mengimpikan pasangan hidup yang berbadan sasa.

"Mak Long tak berapa minat pun, tapi kena 'ambil' juga sebab keluarga dah aturkan,'' jawabnya sambil tersenyum sipu.



SALAH seorang pengunjung sedang menggunakan *cable crossover machine* untuk menegangkan otot-otot bisep melalui kaedah *'bicep curl'*.



ANTARA peralatan yang terdapat di Gym Pak Long.

**INFO :**
**GYM PAK LONG**
**5094, Kampung Kubang Menerong,**
**13300 Tasek Gelugor, SPU.**
**No. Tel. : 013 - 446 3637 / 04 - 573 6379**

# Arak murah perlu undang-undang kawalan – P. David Marshel

**ARAK** murah bukanlah isu baru, malah sudah menjadi sebahagian punca masalah sosial kini.

Arak murah mengakibatkan punca penyakit kanser pada otak, lidah, mulut, esofagus, larink dan pundi kencing.

Selain itu, ketagihan minuman tidak sihat itu mampu merosakkan organ hati, seperti sirosis, steatosis dan hepatitis, ulser, gastritis, kecederaan otak dan masalah saraf.

Logik pengharaman arak murah demi memelihara kesihatan turut dirakamkan dalam al-Quran sendiri.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud, "Mereka bertanya kepadamu (Wahai Nabi Muhammad S.A.W) tentang khamar (arak) dan judi, katakanlah (kepada mereka): pada keduanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya'." [Surah al-Baqarah 2:219]

Maka, penubuhan Gerakan Anti Arak Murah oleh P. David Marshel, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak pertengahan tahun lepas tentunya memberi persepsi baru kepada masyarakat, khususnya komuniti Melayu dan umat Islam di negeri ini.

"Kesedaran (bahaya arak murah) ini memang ada dalam masyarakat kita, tanpa mengira kaum atau agama.

"Saya memang tidak minum arak kerana saya tahu kemudaratannya lebih besar berbanding manfaatnya.

"Arak murah lebih besar mudarat kerana mengandungi 20 hingga 42 peratus alkohol dan lebih bahaya daripada arak biasa.

"Sebotol 150 mililiter arak murah berharga RM1.50 sahaja di tempat-tempat awam, lebih murah daripada sebobol air mineral di stesen minyak yang berharga RM2.

"Bayangkan, betapa mudahnya orang-orang terjebak dengan ini.

"Kerana itu, pergerakan (Gerakan Anti Arak Murah) ini ditubuhkan dan dibantu oleh beberapa kawan seperti M. Satees (Ahli Majlis MPSP), kerana kita (Gerakan Anti Arak Murah) mahu Putrajaya mempertimbang cadangan untuk mengharamkan penjualan arak murah di negeri ini," jelasnya semasa diwawancara wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Seberang Jaya baru-baru ini.

David Marshel adalah anak jati Machang Bubok, mempunyai lima adik-beradik, dan ayahnya seorang penoreh getah.

Pernah membuka perniagaan berasaskan kayu palet sejurus tamat pelajaran dari Sekolah Tinggi Bukit Mertajam.

Ayah kepada dua anak itu dalam rancangan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda, selepas mendapat diploma eksekutif dalam bidang perniagaan.

Kini, David Marshel dilantik menjadi Ahli Majlis sejak tahun 2013.

**Kempen Nilai**

Larian Sihat Membasmi Arak Murah pada 11 Oktober 2015, yang mensasarkan 8,000 penyertaan merupakan antara projek mega



P. David Marshel ketika diwawancara di Ibu Pejabat MPSP, Seberang Jaya baru-baru ini.

David Marshel pada tahun ini, demi mengumpulkan tandatangan sokongan pada pergerakan kempen nilai tersebut.

"Setakat ini, lebih 23,000 tandatangan telah berjaya dikumpulkan, dan kita berharap program (seumpama) Larian Sihat Basmi Arak Murah ini boleh menyumbang ke arah sasaran 100,000 tandatangan bantah penjualan arak murah pada penghujung tahun ini.

"Kita berharap kempen ini membawa isyarat yang jelas, iaitu Pulau Pinang tidak perlu lagi arak murah, lesen arak murah cukuplah, tak perlu ditambah lagi kerana arak murah berbahaya.

"Daripada 369 premis menjual arak murah (likuor) yang diberikan lesen, lebih 250 adalah di pasar raya dan kedai runcit, bayangkan betapa mudahnya minuman tidak sihat ini boleh dibeli di negeri ini sendiri," ujar beliau.

**Cabaran**

Menurutnya, komitmen pihak berkuasa tempatan (PBT) realitinya dibatasi oleh bidang kuasa Kerajaan Pusat, sebagaimana disebut dalam Perlembagaan.

Pun begitu, beliau sebagai Ahli Majlis perlu melakukan apa yang wajar menurut ruang lingkup bidang kuasa sedia ada.

"Kita tidak boleh sewenang-wenangnya menukar Akta Eksais 1976, penguatkuasaan hanya boleh dilakukan oleh Kastam.

"Sebagai Ahli Majlis mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang, setelah berbincang dengan YB Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), kita membawa dasar baru, apa-apa yang berada di bawah lesen arak, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak boleh diambil tindakan, hanya Kastam sahaja yang boleh melakukan langkah penguatkuasaan.

"PBT tidak boleh menguatkuasa apa-apa di bawah Akta Eksais 1976, hanya pihak Kastam yang boleh menguatkuasaan berdasarkan akta itu," ulas David Marshel.

**Komitmen MPSP**

Jadi, MPSP sebagai PBT melihat masalah sosial disebabkan penjualan arak secara berleluasa tersebut dan kita (MPSP) ada membuat ulasan lanjut kepada agensi persekutuan di negeri ini serta Kastam sendiri.

"Tetapi, kita (MPSP) tidak boleh mengambil apa-apa tindakan disebabkan akta tersebut.

"Di bawah Enakmen, RM250, kompaun dua hingga tiga kali, kita boleh batalkan lesen premis, apabila kita mahu membatalkan lesen premis, maka dia tidak boleh jual arak.

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) memang memberi ulasan mengenai masalah sosial yang berpunca (oleh) arak murah ini, tetapi keputusan muktamad adalah daripada agensi persekutuan, iaitu Kastam dan Lembaga (Hasil Dalam Negeri).

"Mengambil kira semua itu, akhirnya kita memasukkan semua syarat-syarat yang wajar semasa lesen premis dikeluarkan, kerana MPSP mempunyai hak untuk menguatkuasa berdasarkan bidang kuasanya ke atas lesen premis yang dikeluarkan.

"Sebagai contoh, lesen arak dikeluarkan untuk jual mulai jam 7 pagi hingga 9 malam, dalam syarat lesen premis kita membenarkan perjualan arak mulai jam 10 pagi hingga 9 malam, untuk menghindari mereka yang terbabit meminum arak murah sebelum ke tempat kerja.

"Maksudnya, operasi kedai mulai jam 7 pagi, tetapi, proses perjualan mesti mulai jam 10 pagi.

"Dalam Akta Eksais tidak disebut jarak secara terperinci antara kedai arak dengan kawasan-kawasan larangan seperti sekolah, dan pergerakan anti arak murah ada mencadangkan sekurang-kurangnya jauh 250 meter dimasukkan sebagai syarat-syarat lesen premis di bawah suatu enakmen di DUN (Dewan Undangan Negeri)," katanya.

**Harapan**

"Saya ingat dah cukup lah, tak perlu keluarkan lesen lagi kerana dasar Kerajaan Negeri iaitu 'Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat'.

"Sihat di sini bukan sekadar joging atau bersenam, tetapi perlu dilihat secara holistik,

"Selalu saya sebut bahawa arak juga sesuatu yang buruk kepada kesihatan, maka, patutlah dilihat mengenai penjualan arak secara berleluasa ini yang jelas bertentangan dengan dasar Kerajaan Negeri.

"Saya harap kempen 100,000 tandatangan bantah penjualan arak murah ini mampu mempengaruhi Kerajaan Negeri untuk mengubal enakmen khusus.

"Kalau boleh kita nak Akta Eksais 1976 dipinda supaya membolehkan pengharaman terus penjualan arak murah ini.

"Kempen anti arak murah perlu, penguatkuasaan menyeluruhpun perlu," tegas David Marshel.

# Bajet MBPP 2016, tekan 5 fokus utama

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Bajet 2016 bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal memberi penekanan kepada lima fokus utama iaitu kelestarian persekitaran, pemantapan perkhidmatan, memperkasakan prasarana, memantapkan keselamatan dan penganjuran program-program rekreasi.

Pengumuman tersebut dinyatakan Datuk Bandar MBPP, Dato' Pathiyah Ismail ketika membentangkan Bajet MBPP Tahun 2016 bertemakan, Visi MBPP Menjadikan Pulau Pinang Sebagai Sebuah Bandaraya Yang Harmoni dan Progresif serta Memiliki Budaya, Warisan dan Keindahan Semulajadi Yang Unik Di Peringkat Global di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Katanya, anggaran hasil 2016 sebanyak RM368.20 juta akan disumbangkan oleh anggaran hasil cukai iaitu sebanyak RM210.31 juta atau 57.1 peratus daripada keseluruhan jumlah hasil.

"Hasil cukai ini dijangka meningkat sebanyak RM26.61 juta berbanding tahun 2015.

"Manakala, anggaran hasil bukan cukai sebanyak RM144.35 juta atau 39.2 peratus dan anggaran terimaan bukan hasil sebanyak RM13.54 juta (3.7 peratus) daripada keseluruhan jumlah hasil menurun berbanding tahun lalu,'' jelasnya.

Mengulas lanjut, Patahiyah memberitahu, daripada jumlah perbelanjaan tersebut, sebanyak RM325.49 juta (69.8 peratus) diperuntukan bagi perbelanjaan mengurus dan RM118.97 juta (25.5 peratus), perbelanjaan pembangunan.

"Perbelanjaan mengurus sebanyak RM153.89 juta adalah untuk agihan emolumen, perkhidmatan dan bekalan (RM160.22 juta), agihan pemberian dan kenaan bayaran tetap (RM3.47 juta) serta perbelanjaan lain (RM7.91 juta).



**PATAHIYAH Ismail ketika membentangkan Bajet MBPP bagi tahun 2016 di sini baru-baru ini.**

"Bagi tujuan mencapai bidang keberhasilan utama untuk memantapkan keselamatan, RM12.39 juta diperuntukan, kebersihan (RM55.57 juta), kehijauan (RM3 juta) dan sihat (RM3.70 juta)," ujar beliau.

Dalam pada itu, Patahiyah menyatakan bahawa MBPP menjangkakan Bajet 2016 adalah belanjawan defisit sebanyak RM98.14 juta, yang mana ia (defisit tersebut) akan dibiayai dari wang simpanan Majlis yang mencatatkan lebihan dalam penyata kewangan bagi tiga tahun berturut-turut iaitu 2012 sebanyak RM80.09 juta, 2013 (RM47.57 juta) dan 2014 (RM177.95 juta).

"Ini kerana, anggaran perbelanjaan Majlis pada tahun depan adalah berjumlah RM466.34 juta bagi pelaksanaan pembangunan yang direncanakan, dan anggaran hasil berjumlah RM368.20 juta.

"Pun begitu, Majlis sedar akan jumlah defisit tersebut dan langkah-langkah proaktif dan holistik akan terus diambil untuk menambahkan sumber kewangan.

"Saya yakin bajet ini dapat memenuhi objektif bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan lebih efektif kepada rakyat selaras dengan status bandaraya yang telah dicapai," ujar beliau.



# MPSP lancar kempen tangani salah guna parkir OKU

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **J. PATMAVATHY**



**CONTOH tindakan yang bakal dikenakan terhadap kenderaan yang melanggari peraturan ditetapkan berhubung ruang parkir OKU.**

**SEBERANG JAYA** – Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini melancarkan kempen *Park With Heart* demi meningkatkan kesedaran awam terhadap penyalahgunaan parkir khas golongan orang kurang upaya (OKU) di ketiga-tiga daerah di sini.

"Tujuan utama kempen ini adalah untuk mengalakkan orang ramai meletak kereta dengan perasaan bertimbang rasa, tanpa menidakkan hak golongan OKU.

"Setiap orang hendaklah memainkan peranan penting dalam memastikan tiada penyalahgunaan tempat letak kereta OKU," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Penuh Bil. 9/2015 di sini baru-baru ini.




**MAIMUNAH Mohd. Sharif (tiga dari kanan) menandatangani plak kempen *Park With Heart* sambil diperhatikan Dr. Tiun Ling Ta (dua dari kiri) dan barisan Ahli Majlis MPSP lain pada majlis pelancaran kempen berkaitan di sini baru-baru ini.**

Bercakap pada sidang media sama, Ahli Majlis bagi MPSP, Prof. Madya Dr. Tiun Ling Ta menyatakan bahawa kompaun terhadap pemandu yang didapati melanggari peraturan tersebut wajar digandakan semaksima RM300 berbanding RM50 kini.

"Menerusi pelaksanaan kempen yang berkuatkuasa serta merta, kereta pesalahlaku akan dibalut serta diletakkan pelekat bagi menandakan bahawa ruang parkir tersebut adalah hanya untuk OKU sahaja.

"Saya juga ingin memohon kepada pemilik-pemilik premis di pusat beli-belah supaya dapat meningkatkan penguatkuasaan bagi menangani kes-kes salah guna parkir OKU seperti ini," serunya.

Dalam pada itu, Ling Ta memberitahu, sebanyak 49 petak parkir OKU disediakan di seluruh Seberang Perai berbanding jumlah pendaftaran individu OKU yang kini berjumlah 53,000.

"Bagi pihak MPSP, saya berharap kempen ini mendapat partisipasi awam di negeri ini demi kebajikan golongan OKU," ujar beliau.

# Tidak pamer kupon parkir, kenderaan mungkin 'dialih'

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini memandang serius tindakan orang ramai yang tidak 'mempamerkan' kupon parkir ketika meletakkan kenderaan di petak-petak meletak kenderaan milik pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan di sini.

Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Ang Aing Thye berkata, berdasarkan rekod Majlis, sehingga 18 September lalu, sebanyak 6,953 kenderaan masing-masing didapati memiliki lebih daripada 10 kompaun atau Pemberitahu Tentang Kesalahan (PTK) yang dikeluarkan kepada pemandu yang mengulangi kesalahan sama.

"Malah, sejak sistem letak kereta baharu MBPP menggunakan kupon dikuatkuasakan pada 1 Januari lalu, didapati terdapat orang ramai yang sengaja enggan mempamerkan kupon.

"Lanjutan itu, Majlis kini mula mengambil tindakan pengalihan kenderaan (tunda) terhadap pesalah laku berkaitan mengikut undang-undang di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (TLK) MPPP (sebelum menerima pengiktirafan sebagai MBPP) 2014," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Biasa MBPP di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan MBPP, Joseph Ng Soon Siang.

Mengulas lanjut, Aing Thye memberitahu, sejak langkah pengalihan kenderaan dikuatkuasakan bermula 14 Ogos lalu, sebanyak 60 kenderaan telah 'dialihkan', dan hasilnya, 26 daripadanya (pemandu) telah menyelesaikan tunggakan kompaun atau PTK.

"Bagi pemandu yang mempunyai jumlah kompaun atau PTK yang melebihi RM1,000, bayaran secara ansuran akan dipertimbangkan iaitu hendaklah menjelaskan 50 peratus daripada jumlah keseluruhan PTK bagi membolehkan kenderaan dikembalikan. Baki kompaun atau PTK pula perlu diselesaikan secara dua kali ansuran dalam tempoh dua bulan.

"Pada masa sama, pemilik kenderaan juga dikehendaki mengisi Surat Aku Janji pihak Majlis," jelas beliau.



**IR. Ang Aing Thye (kiri) dan Joseph Ng Soon Siang pada sidang media di sini baru-baru ini.**

# CSR sumbang 330 pasu & pokok bunga hijau Seberang Perai



**SHAHRUL NIZAD Abd. Razak (empat dari kiri), N. Ramaiah (tiga dari kiri) dan para jemputan menunjukkan pasu dan pokok bunga yang disumbangkan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Pasu dan Pokok Bunga di sini baru-baru ini.**

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN** – Sebanyak 33 sekolah di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) yang mengambil bahagian dalam penganjuran Anugerah Sekolah Hijau anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masing-masing menerima 10 pasu dan pokok bunga di sini baru-baru ini.

Sumbangan tajaan syarikat korporat, Malaysian Automotive Lighting Sdn. Bhd. (MAL) tersebut adalah demi menjayakan objektif MPSP dalam menghijaukan Seberang Perai.

Pengarah Perbandaran MPSP, Shahrulnizad Abd. Razak berkata, sejak program tersebut dijalankan pada tahun 2013, MAL merupakan syarikat pertama yang menaja pasu berserta pokok bunga.

"Tahniah dan saya berharap syarikat-syarikat lain juga dapat mencontohi inisiatif ini menerusi pelaksanaan projek tanggungjawab sosial korporat bersama-sama MPSP.

"Ini kerana, kita memerlukan lebih banyak pokok untuk membersihkan udara kita.

"Berdasarkan kajian, serumpun pokok dapat menurunkan suhu di kawasan sekitarnya sebanyak 10 darjah selsius," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Pasu dan Pokok Bunga di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis MPSP, M. Satees, H'ng Mooi Lye dan Tan Cheong Heng serta Pengarah Urusan MAL, N. Ramaiah.

Dalam pada itu, Ramaiah memberitahu, pendekatan tersebut adalah julung kali dilakukan sejak syarikat MAL beroperasi di Batu Kawan dua tahun lalu.

"Bagi pelaksanaan program Anugerah Sekolah Hijau ini, MAL telah membelanjakan RM5,445 untuk 330 pasu serta pokok bunga," jelas beliau.

Terdahulu, syarikat korporat, Guppy Plastic Industries Sdn. Bhd. turut menjalankan tanggungjawab sosial korporat serupa dengan menyumbang sebanyak 3,210 pasu bunga kepada sekolah-sekolah terbabit sejak 2013.

# Bengkel Hijau bentuk komuniti mesra alam

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **PPK**

**SUNGAI ACHEH** – Pengetahuan dan kemahiran dipelajari dalam penganjuran Bengkel Penang Hijau dan Mesra Gender membolehkan para peserta melatih serta mendidik komuniti di sekeliling mereka mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar bagi membentuk komuniti mesra alam dan mesra gender.

Kenyataan tersebut dinyatakan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Acheh, Azmi Samsudin yang bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Penang Green Council (PGC) Strategies Sdn. Bhd. berhubung penganjuran program berkaitan di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, bengkel sehari itu adalah aktiviti di bawah Program Bajet Responsif Gender (GRB) dan Program Outreach Komuniti yang bertujuan mendidik, melatih serta mendedahkan peserta wanita mengenai pengetahuan dan kemahiran berkaitan alam sekitar.

"Pembuangan sisa pepejal merupakan salah satu masalah alam sekitar yang kita hadapi di Pulau Pinang dan juga negara.

"Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) mendedahkan bahawa pada 2014, sejumlah 8,000 tan atau 800,000 kilogram sisa makanan dibuang sehari oleh rakyat Malaysia dan jumlah itu mampu menampung bekalan makanan untuk enam juta orang.

"Selain pembaziran, kos pengurusan sisa pepejal termasuk sisa makanan yang dibuang itu juga tinggi sehingga mencecah RM1.6 bilion tahun lepas.

"Oleh itu, saya percaya dengan bengkel sebegini, ia mampu menjana kesedaran untuk mengubah persepsi serta perilaku masyarakat kita supaya menyokong amalan hijau dan seterusnya memastikan matlamat jangka panjang dalam menangani isu-isu alam sekitar tercapai," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada penganjuran Bengkel Penang Hijau dan Mesra Gender di sini baru-baru ini.

Seramai 80 peserta dan sukarelawan wanita menyertai bengkel tersebut dengan bimbingan para pegawai dari PGC melalui sesi taklimat dan demonstrasi pengkomposan sisa pepejal.

Dato' Mansor Othman, Ahli Parlimen Nibong Tebal hadir merasmikan bengkel tersebut.

Turut sama, ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh.

Selain itu, acara sampingan seperti pertandingan mewarna untuk kanak-kanak tadika dan sukaneka wanita turut diadakan.



**MANSOR** Othman (barisan depan, empat dari kiri) bersama-sama ahli jawatankuasa pengajur dan para peserta merakam kenangan pada penganjuran Bengkel Penang Hijau dan Mesra Gender di sini baru-baru ini.



**AZMI** Samsudin (tengah) turut serta dalam demonstrasi pengkomposan sisa pepejal nanas.

# Erat semangat kejiranan wujudkan perpaduan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **G. REVATIC**

**BATU UBAN** – Semangat kejiranan adalah perlu dipereratkan dalam kalangan penduduk setempat sebagai intipati dalam mewujudkan perpaduan tanpa mengira latar belakang, bangsa dan fahaman politik.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan bersempena penganjuran program Sukaneka Merdeka 2015 anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Brown dan pusat khidmat beliau di sini baru-baru ini.

"Tanpa semangat setiakawan, adalah tidak mungkin kita semua dapat berhimpun dalam suasana harmoni dan ceria seperti hari ini dalam menjayakan program ini," ucap beliau.

Kira-kira 100 umum dari kawasan sekitar hadir bagi memeriahkan penganjuran berkaitan. Antara acara-acara menarik yang diadakan adalah mengisi air ke dalam botol menggunakan span, makan buah epal, melontar belon dan lain-lain.

Dalam pada itu, Jayabalan turut mempelawa masyarakat setempat yang mempunyai maklum balas berhubung perkara-perkara tertentu supaya menghubungi talian pusat khidmat beliau, **04 – 656 2605** bagi tindakan lanjut.



**PERTANDINGAN** memasukkan air ke dalam balang menggunakan span yang berjaya menarik penyertaan peserta-peserta cilik.



**AKSI** para peserta penganjuran program Sukaneka Merdeka 2015 di sini baru-baru ini.

# Pesta Tanglung rapat hubungan sesama masyarakat



**SEBAHAGIAN** peserta cilik yang mengambil bahagian dalam penganjuran Pesta Tanglung di sini baru-baru ini.

Gambar : **LAW SUUN TING**

**PUPUK PERPADUAN...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata, perayaan tanglung yang disambut masyarakat berketurunan Tiong Hua pada setiap tahun umumnya mampu memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Ini kerana, beliau memberitahu, pada sambutan perayaan berkenaan, pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan bangsa akan bersama-sama meraikannya termasuk menjamu kuih bulan yang dihidangkan dan juga menyertai perarakan tanglung mengelilingi kawasan sekitar.

"Pesta ini (Pesta Tanglung) bukan hanya menggembirakan golongan kanak-kanak, malah juga dewasa.

"Pembabitan pelbagai pihak, secara tidak langsung dapat membantu merapatkan hubungan sesama masyarakat tanpa mengira kaum dan bangsa yang mengambil bahagian," katanya pada Majlis Perasmian Pesta Tanglung anjuran Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Moh Ghee di sini baru-baru ini.



**PENYERTAAN** pelbagai pihak dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

# Sebelum bentang Bajet 2016, PM perlu perjelas status permohonan TP1M - Exco

Oleh : **LAW SUUN TING**

**AIR ITAM** – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak perlu menjelaskan status 118 lagi permohonan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M), sebelum beliau membentangkan Bajet 2016 yang dijadualkan pada 23 Oktober ini di Dewan Rakyat.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Najib langsung tidak mengumumkan TP1M semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) pada 21 Mei lepas, dan sehingga kini masih menjadi tanda tanya sama ada program itu diteruskan atau sebaliknya.

Akibatnya, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri sendiri tidak boleh mengeluarkan peruntukan berwajib melalui Program Bantuan Perumahan Rakyat Pulau Pinang (HAPPY!).

"Kerajaan Negeri melalui MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) dan MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) turut menghantar surat peringatan mengenai isu ini kepada Pejabat Perdana Menteri, tetapi sehingga kini tiada penjelasan.

"Kalau Kerajaan Pusat tidak meluluskan permohonan TP1M, Kerajaan Negeri pun tidak boleh mengeluarkan peruntukan (HAPPY!) untuk membiayai 10 hingga 30 peratus daripada kos penyelenggaraan projek yang sepatutnya ditanggung oleh persatuan penduduk.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh tunggu Pusat, maka, kita (Kerajaan Negeri) perlu melakukan projek-projek penarafan ini sendiri berdasarkan komitmen kewangan yang Kerajaan Negeri ada," tegasnya semasa mengadakan lawatan ke Wisma Taman Saibe yang siap dinaiktarafkan di sini baru-baru ini.

Mengulas mengenai kerja-kerja penaiktarafan berkaitan, Jagdeep memberitahu bahawa sejumlah RM38,920 dibelanjakan untuk kerja-kerja penggantian lima tangki air berkapasiti 600 liter serta menukar paip-paip karat.

"Bagi kerja-kerja pengantian tangki air ini, 80 peratus kos penyelenggaraan dibiayai oleh Kerajaan Negeri iaitu melibatkan kos RM31,136, manakala, baki 20 peratus lagi atau RM7,784 ditanggung oleh saya, selaku ADUN kawasan.



**JAGDEEP Singh Deo (lapan dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama penduduk Wisma Taman Saibe sempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.**

"Saya berharap bukan sahaja bekalan air yang lebih bersih boleh dinikmati, tetapi, tiada lagi masalah air bertekanan rendah dihadapi oleh penduduk," ujar beliau.

Bajet 2015 Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM15.11 juta untuk tujuan membaik pulih perumahan Kerajaan di negeri ini, berbanding RM11.3 juta yang diumumkan dalam belanjawan tahun sebelumnya.



**RUPA bentuk tangki air yang telah siap dinaiktaraf.**

# Masalah banjir Jalan Kuantan jangka diatasi - ADUN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) dan Teh Lai Heng (dua dari kiri) meninjau tapak projek pembinaan yang dipercayai menjadi punca banjir kilat di kawasan tersebut baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Masalah kekerapan kejadian banjir kilat di Jalan Kuantan di sini yang berlarutan sejak beberapa bulan lalu dijangka dapat diatasi dalam tempoh masa terdekat.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, beliau memandang serius permasalahan tersebut kerana kejadian banjir umumnya bakal menyebabkan rutin harian ratusan penduduk sekitar terjejas.

"Pihak saya telahpun panjangkan aduan penduduk di sini kepada Majlis (Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan pemaju berwajib di kawasan tersebut.

"Malah, pemaju juga bersedia untuk menaik taraf sistem perparitan sedia ada serta melakukan kerja-kerja pelebaran longkang sehingga 3 meter dalam masa terdekat," katanya ketika mengadakan tinjauan ke kawasan tersebut di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, beberapa pegawai MBPP, wakil penduduk, Tan Tean Cheng, Presiden Persatuan Peniaga Pasar Jalan Kuantan, Khoo Saw Ean serta wakil pemaju.

Mengulas lanjut, Jagdeep juga ADUN Datuk Keramat memberitahu bahawa beliau turut mengarahkan MBPP untuk melakukan kerja-kerja pembersihan longkang lebih kerap di kawasan terbabit terutama ketika musim hujan dan semasa air pasang.

"Saya menyifatkan bahawa kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan akan dapat menyelesaikan masalah banjir di kawasan tersebut kelak," ujar beliau.



**DILEMA banjir kilat yang melanda penduduk di Jalan Kuantan di sini.**

# Jerebu, MP gesa Pusat manfaatkan AEC



**STEVEN Sim Chee Keong (kiri sekali) dan Chong Eng (dua dari kiri) mengedarkan penutup muka kepada orang awam di Pasar Awam Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.**

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT MERTAJAM** – Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong menggesa Kerajaan Malaysia supaya memanfaatkan hubungan erat dengan *Asean Economy Community* (AEC) untuk membantu Indonesia menangani aktiviti pembakaran hutan secara besar-besaran yang dikenalpasti saban tahun.

Katanya, platform antarabangsa yang ditubuhkan untuk menjayakan integrasi ekonomi membabitkan negara-negara anggota ASEAN perlu dimanfaatkan sebaik mungkin memandangkan krisis jerebu kini meninggalkan kesan berantai pada sosio ekomoni rantau ini.

"Saya menggesa Kerajaan menggunakan peluang hubungan lebih erat *Asean Economic Community* yang bermula pada 2015 dengan mendesak Indonesia supaya menyelesaikan masalah ini agar ia tidak berlarutan pada setiap tahun.

"Kerajaan Singapura telahpun mengeluarkan kenyataan untuk membantu Indonesia menyelesaikan masalah ini, dan saya berharap Kerajaan Malaysia juga memberi gesaan lebih kuat," katanya ketika ditemui pada Program Pengedaran Topeng Muka di Pasar Besar Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng, Pemangku Pengarah Kejuruteraan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Rosnani Mahmud serta dua Ahli Majlis MPSP, Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani dan Micheal Tan Cheong Heng.

Tambah Steven, para penduduk khususnya golongan peniaga memberi maklum balas bahawa perniagaan masing-masing terjejas disebabkan krisis jerebu berkaitan.

"Ramai orang yang tidak mahu keluar rumah pada musim jerebu ini, jadi ia memberi kesan ekonomi kepada para-para peniaga kecil seperti di pasar awam, dan ini adalah perkara yang berat," ujar beliau.

Oleh : **ME**




Hentikan keganasan. Hormati wanita.

PENANG GOES ORANGE 2015

# PERADUAN MELUKIS POSTER: KREATIVITI ANAK PENANG

**Tema:**

**1. Hentikan Keganasan. Hormati Wanita.**
**2. Jangan Berdiam Hingga Terlambat. Bersama-sama Kita Hentikan Keganasan Terhadap Wanita & Kanak-kanak Perempuan.**
**3. Hentikan Keganasan Terhadap Wanita Untuk Realisasikan Kesaksamaan Gender.**

Anjuran oleh:

PWDC Penang Women's Development Corporation

buletin Mutiara

**Kategori I:** 12 tahun & ke bawah
**Hadiah:**
1: RM300
2: RM200
3: RM100

**Kategori II:** 13 – 17 tahun
**Hadiah:**
1: RM400
2: RM300
3: RM200

**Kategori III:** 18 tahun & ke atas
**Hadiah:**
1: RM500
2: RM400
3: RM300

## Borang Penyertaan

Nama: ______________________________

No. MyKid / IC: ______________________________

Alamat: ______________________________

______________________________ Kategori:______

Ibu Bapa / Penjaga: ______________________________
(Kategori I & II sahaja)

No. Tel. (Rumah):____________ No. Tel. (Bimbit):____________

Alamat E-Mel:______________________________

**Terma & Syarat Pertandingan;**

1. Pertandingan dibuka dari 25hb September hingga 25hb November 2015.
2. Pertandingan ini adalah terbuka kepada penduduk negeri Pulau Pinang sahaja.
3. Poster mesti direka berdasarkan satu daripada tiga tema peraduan dan perlu mengandungi frasakata tema yang diberikan.
4. Para peserta boleh menggunakan sebarang jenis kertas bersaiz A3. Penggunaan jenis peralatan melukis adalah bebas termasuk digital.
5. Semua penyertaan mesti dihantar dalam bentuk salinan cetak / salinan keras (*hard copy*), termasuk rekacipta digital.
6. Semua penyertaan mesti dihantar bersama-sama borang penyertaan yang asal. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan.
7. Semua penyertaan adalah hak milik pihak penganjur.
8. Majlis penyampaian hadiah akan diadakan di Majlis Penutupan Kempen Penang Goes Orange.
9. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-261 2835 / 04-261 5261 atau e-mel, info@pwdc.org.my
10. Hantar penyertaan anda sebelum atau pada 25hb November 2015 kepada:

**Buletin Mutiara,**
**Peraduan Melukis Poster: Kreativiti Anak Penang**
**Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**